

Satu kajian ke atas satu
persatuan Buddhis di negeri Melaka

oleh

Ronnie Teo Cheng Poh

No. Matrik: 048394

Latihan ilmiah bagi memenuhi sebahagian
daripada syarat-syarat untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sesi 1987/88

(i)

PENGHARGAAN

Di dalam menjayakan tesis ini, pengkaji terhutang budi kepada ramai individu. Julong sekali, ribuan terima kasih diucapkan kepada ahli-ahli jawatankuasa Seck Kia Eenh dan Seck Kia Eenh Dhamma School terutamanya Encik Tan Tiang Cheng dan Saudara Kenny Chan yang rela membantu and bekerjasama dengan pengkaji. Terima kasih juga diucapkan kepada Encik Teh Thean Choo and Venerable Piyasilo yang telah banyak memberi maklumat mengenai perkembangan agama Buddha di tanah air ini. Tidak lupa juga kepada Saudara Oh Kim Leng yang kerap memberi cadangan serta bantuan dan teman teristimewa pengkaji yang sentiasa mengambil tahu tentang kemajuan tesis ini.

Akhir sekali, tesis ini tidak akan menjadi realiti tanpa tunjukajar dan nasihat pensyarah yang juga merangkap penyelia pengkaji, Dr Raymond Lee.

Kepada semua ini, pengkaji amat berterima kasih dan "May the Blessings of the Triple Gem be upon You All and Your Family Always."

SINOPSIS

Kajian ini cuba melihat keseluruhan aspek Persatuan Buddhis Seck Kia Eenh, Melaka. Pengkaji bermula di dalam Bab 2 dengan melihat sejarah perkembangan agama Buddha di negara ini supaya pembaca boleh mendapat gambaran terlebih dahulu mengenai bagaimana mulanya agama ini serta perkembangannya hingga ke hari ini. Malah, sejak kebelakangan ini agama Buddha dikatakan sedang melalui proses revivalisme kerana bermacam-macam mazhabnya yang lain sedang bercambah.

Sebelum melihat lebih lanjut lagi ke dalam persatuan ini, adalah wajar pengkaji bermula dengan meneliti sejarah penubuhan persatuan ini serta tahap-tahap perkembangannya. Ini diuraikan di dalam Bab 3. Usaha-usaha dan sumbangan-sumbangan golongan pengasas dan beberapa orang tokoh yang pernah memajukan persatuan ini juga dilihat.

Di dalam Bab 4 pula, pengkaji memberi diskripsi yang seberapa boleh tentang persatuan ini. Ianya meliputi gambaran fizikal, objektif-objektif serta orang-orang yang mendatangi persatuan ini. Pengkaji juga menyentuh tentang struktur organisasi persatuan ini serta cuba mengenali bidang kuasa badan-badan yang mentadbir persatuan ini. Turut dilihat juga adalah kedudukan kewangan persatuan ini secara am.

Bab 5 pula melihat aktiviti-aktiviti semasa yang dikelolakan oleh persatuan ini dengan memberi penerangan yang memadai mengenai tiap-tiap satu. Ini seterusnya bertindak sebagai asas untuk menilai pencapaian persatuan ini nanti.

Di dalam Bab 6, pengkaji membuat pemerhatian dan memberi pandangan dan penafsiran tentang masyarakat Buddhis dalam persatuan ini. Pengkaji menyentuh topik ini dari segi sosial, politik dan ekonomi.

Sebagai kesimpulan pula, pengkaji memberi rumusan kepada semua yang telah dibincangkan mengikut perspektif pengkaji semata-mata. Pengkaji menilai tahap-tahap perkembangan persatuan ini dan cuba melihat kedudukan persatuan ini di negeri Melaka dan di dalam konteks sosial yang lebih luas lagi. Aspek kerjasama antara ahli-ahli persatuan dan komuniti di dalamnya juga diberi satu penilaian. Pengkaji turut membincangkan masalah ketara yang dihadapi oleh persatuan ini. Akhir sekali, pengkaji melihat masa depan serta memberi beberapa cadangan untuk kemajuan persatuan ini.

K A N D U N G A N

Halaman

TAJUK	(i)
DEDIKASI	(ii)
PENGHARGAAN	(iii)
SINOPSIS	(iv)
KANDUNGAN	(v)
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Tujuan dan Bidang Kajian	1
1.2 Tempat	2
1.3 Metodologi	3
1.3.1 Pemerhatian	3
1.3.2 Temubual	4
1.3.3 Data-data Secondary	5
1.3.4 Pengambilan Gambar	5
1.4 Masalah-masalah semasa menjalankan kajian	6
BAB 2 SEJARAH PERKEMBANGAN AGAMA BUDDHA DI MALAYSIA	8
2.1 Zaman Awal	8
2.2 Zaman Penjajahan British hingga selepas Kemerdekaan	12
2.3 Perkembangan agama Buddha masakini	16
BAB 3 SEJARAH PENUBUHAN PERSATUAN BUDDHIS SECK KIA EENH MELAKA DARI AWAL HINGGA MASAKINI	21
3.1 Tahap 1: 1920–1962	21
3.2 Tahap 2: 1963–1969	27
3.3 Tahap 3: 1970–1978	30
3.4 Tahap 4: 1979–1987	32
BAB 4 DISKRIPSI TENTANG PERSATUAN BUDDHIS SECK KIA EENH MELAKA	35
4.1 Pengenalan	35
4.2 Pentadbiran	38
4.2.1 Jawatankuasa Induk	38
4.2.2 Seck Kia Eenh Dhamma School	40

	AKTIVITI-AKTIVITI SEMASA PERSATUAN BUDDHIS SECK KIA EENH	52
4.3	Keahlian	49
4.4	Kewangan	50
 BAB 5		
5.1	Aktiviti-aktiviti Seck Kia Eenh	52
5.1.1	Perayaan Hari Wesak	52
5.1.2	'House Blessing' untuk Tahun Baru Cina	54
5.1.3	'All-Night Chanting'	55
5.1.4	'Vegetarian Dinner'	56
5.1.5	Upacara Sembahyang di 'SKE Reliquarium'	56
5.2	Aktiviti-aktiviti Seck Kia Eenh	57
	Dhamma School	57
5.2.1	Kemah Kerja Cuti	57
5.2.2	Perayaan Hari Wesak	59
5.2.3	Seminar, Kursus Latihan dan Kepimpinan maupun 'Retreat'	59
5.2.4	Perjumpaan-perjumpaan Sosial	60
5.2.5	Lawatan-lawatan	61
5.2.6	Kelas-kelas Dhamma	62
5.2.7	Upacara-upacara Sembahyang	62
5.2.8	Konsert Penghujung Tahun	63
 BAB 6		
BEBERAPA ASPEK EKONOMI, POLITIK DAN SOSIAL MASYARAKAT BUDDHIS PERSATUAN SECK KIA EENH		65
6.1	Populasi	65
6.2	Sokongan Kewangan	67
6.3	Kuasa	68
6.4	Bahasa Komunikasi	69
6.5	'Core Group' dan Organisasi Kerja	70
6.6	Sikap Terhadap Agama	73
6.7	Konflik Dalaman	75
 PENUTUP		77
LAMPIRAN 1	Peta Lakar Seck Kia Eenh	
LAMPIRAN 2	Senarai Gambar-gambar	
LAMPIRAN 3	Penyata Kewangan Seck Kia Eenh	
 BIBLIOGRAFI		

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN DAN BIDANG KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat secara menyeluruh satu persatuan Buddhis di negeri Melaka. Amnya kajian ini ingin menilai pencapaian-pencapaian serta kedudukan persatuan ini di negeri Melaka. Pengkaji juga ingin mengetahui mekanisme-mekanisme yang terlibat dalam segala aktiviti dan pentadbiran persatuan ini. Kajian ini turut meneliti aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik masyarakat Buddhis yang terdapat di dalam persatuan ini supaya boleh memberi gambaran yang lebih jelas tentang keseluruhan persatuan ini.

Untuk mencapai tujuan-tujuan ini, pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada beberapa bidang kajian. Ini termasuklah melihat persatuan ini dari segi sejarah pembentukan dan perkembangannya. Pengkaji cuba melihat bagaimana persatuan ini telah berkembang dari tahap awalnya hingga kemasakini serta sumbangan-sumbangan personaliti-personaliti yang terlibat dalam memajukannya. Pengkaji juga menganalisa tahap yang difikirkannya paling cemerlang. Di samping itu, pengkaji

melihat juga aspek fizikal dan struktur organisasi persatuan ini. Di sini pengkaji cuba memberi gambaran sepenuh tentang persatuan ini kepada pembaca supaya dapat membayangkan persatuan ini sebagaimana ianya dilihat oleh masyarakat Melaka. Ini turut mengambil kira aktiviti-aktiviti semasa yang dikelolakan oleh persatuan ini untuk ahli-ahlinya dan masyarakat Buddhis di Melaka secara umumnya. Skop kajian ini termasuk juga meneliti komponen-komponen kaum yang membentuk ahli-ahli persatuan ini. Pengkaji cuba menghuraikan penyertaan dan interaksi mereka dalam persatuan ini sebagai faktor yang turut membentuk sebahagian imej persatuan ini. Seperkara lagi, aspek tentang sejarah perkembangan agama Buddha di Malaysia juga dilihat secara ringkasnya.

1.2 TEMPAT

Pengkaji telah memilih Persatuan Buddhis Seck Kia Eenh kerana ianya merupakan satu-satunya persatuan Buddhis yang unggul di negeri Melaka. Malah ianya agak popular di kalangan komuniti Buddhis di negeri tersebut. Lagipun bilangan tokong-tokong maupun persatuan-persatuan Buddhis yang lain adalah tersangat kecil. Kebanyakan yang lain hanya merupakan tokong-tokong dan persatuan-persatuan Cina yang berunsurkan agama Taoisme dan ajaran Confucius. Bagaimanapun faktor terpenting dalam pemilihan tempat ini ialah kerana pengkaji mempunyai hubungan yang agak baik

dengan para pentadbir persatuan ini. Selain itu, persatuan ini didapati menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan komunikasinya. Malah semua ahli jawatankuasa dan ahlinya boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Ini memudahkan pengkaji kerana pengkaji tidak boleh bertutur bahasa Mandarin maupun loghat-loghat Cina lain langsung! Faktor lain adalah persatuan ini berhampiran dengan tempat kediaman pengkaji dan belum ada sesiapapun termasuk ahli-ahlinya sendiri yang pernah mengkaji dan menulis tentang persatuan ini secara menyeluruh.

1.3 METODOLOGI

Pengkaji hanya menggunakan empat jenis kaedah sahaja iaitu pemerhatian, temubual, mengkaji data-data secondary dan pengambilan gambar.

1.3.1 Pemerhatian

Metod ini digunakan supaya pengkaji tidak terlalu bergantung kepada kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh ahli-ahli jawatankuasa maupun ahli-ahlinya sahaja untuk mengelakkan bias. Dengan metod ini juga, pengkaji dapat melihat dan menilai aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta menganalisa pergualan dan interaksi sosial ahli-ahli dalam

persatuan ini. Pengkaji juga dapat melihat dengan sendirinya mekanisme-mekanisme yang terlibat dalam kejayaan aktiviti-aktiviti yang dikelolakan. Bagaimanapun metod ini menghadkan pengkaji daripada mengetahui faktor-faktor tentang rasionalnya satu-satu fenomena itu berlaku. Ia juga tidak membenarkan pengkaji menilai aspek sejarah persatuan ini serta aktiviti-aktiviti yang lalu maupun yang belum dikendalikannya lagi.

1.3.2 Temubual

Oleh yang demikian, untuk mendapat lebih penerangan tentang sebab-musabab apa-apa saja hal mengenai persatuan ini, metod temubual terpaksa digunakan. Di sini pengkaji memilih kebanyakan ahli-ahli jawatankuasa dan ahli-ahli lama persatuan ini sebagai responden utamanya. Pengkaji tidak menggunakan langsung metod soalan berstruktur kerana tidak ingin responden-respondennya terikat kepada soalan yang diajukan sahaja tetapi lebih bebas untuk berbincang dengan pengkaji. Boleh dikatakan pengkaji telah menemubual kesemua responden tersebut untuk mendapat gambaran yang seberapa jelas. Bagaimanapun kebanyakan di antara mereka kurang mengetahui secara mendalam setengah-setengah aspek tentang persatuan ini. Ini

terutamanya ketara bila soalan tentang sejarah perkembangan persatuan ini ditanyakan. Memandangkan hampir semua pengasas persatuan ini kecuali satu, telah meninggal dunia, pengkaji terpaksa bergantung kepada ahli-ahli lama persatuan ini yang juga kecil bilangannya.

Masalah yang sama juga didapati apabila soalan tentang perkembangan agama Buddha di tanah air ini diajukan kepada tokoh-tokoh Buddhis yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur. Penerangan yang jelas mengenainya sukar diperolehi.

1.3.3 Data-Data Secondary

Untuk melengkapkan seterusnya maklumat-maklumat yang tertinggal, pengkaji cuba mendapatkaninya dari sumber-sumber seperti majalah-majalah bulanan dan tahunan yang diterbitkan oleh persatuan ini. Walau bagaimanapun, buku-buku mengenai sejarah perkembangan agama Buddha di tanah air ini tersangat kecil bilangannya dan tidak menyeluruh pula.

1.3.4 Pengambilan Gambar

Metod ini hanya mampu memberikan gambaran yang

lebih jelas tentang aspek-aspek fizikal dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan ini sahaja.

1.4 MASALAH-MASALAH SEMASA MENJALANKAN KAJIAN

Sebenarnya pengkaji tidak begitu menghadapi masalah semasa menjalankan kajian ini. Ini adalah kerana, seperti yang telah dinyatakan, pengkaji mempunyai hubungan yang agak baik dengan ahli-ahli jawatankuasa persatuan ini. Lagipun, pengkaji telah menerangkan kepada mereka kajian ini cuma merupakan satu latihan ilmiah semata-mata. Malah, badan pentadbir sendiri gembira kerana ada orang yang sudi mengkaji persatuannya dan meminta jasa baik pengkaji untuk menghadiahkan satu salinan tesis ini kepada persatuannya. Pengkaji mendapati kerjasama yang telah diberikan oleh ahli-ahli jawatankuasa tersebut dan ahli-ahli persatuan ini secara amnya adalah memuaskan. Pengkaji juga bebas keluar masuk persatuan ini serta menyertai aktiviti-aktiviti yang dikelolakan.

Yang menjadi masalah sebenarnya adalah pengumpulan data-data untuk sejarah pengembangan agama Buddha di negara ini. Seperti yang telah dinyatakan, memang tidak terdapat banyak buku dan majalah yang menulis mengenainya. Jika terdapatpun, ianya kurang lengkap dan secara am sahaja. Walaupun temubual dengan beberapa orang tokoh

Buddhis di tanah air ini dilakukan (di sekitar Kuala Lumpur sahaja), namun mereka juga tidak dapat memberikan maklumat-maklumat yang tepat terutamanya mengenai sejarah agama Buddha pada zaman awalnya di negara ini. Bagaimanapun, dari maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan dari berbagai-bagi tokoh tersebut dan juga dari buku-buku dan majalah-majalah yang relevan, pengkaji telah memberi juga gambaran mengenainya secara ringkas.

"Kemunculan Islam". Maka ia bukan boleh dianggap sebagai suatu akhir, berakhirnya masa pelajaran-pelajaran yang dilakukan di antara orang-orang umat Hindu dan Budha yang pada masa itu, masih ada faktor-faktor kultural yang masih belum berkembang atau masih belum dikenali. Sebaliknya, pelajaran-pelajaran yang dilakukan pada masa itu, selain mendidik rakyat, memperkenalkan dan membentuk karakter dan peradaban. Maka pelajaran-pelajaran yang dilakukan pada masa itu, bukan pelajaran yang seperti kita ketahui sekarang dengan sebutan pelajaran India atau India modern. Maka ia dapat dikatakan bahawa pelajaran-pelajaran ini adalah pelajaran keseluruhan tentang kelebihan dan kekurangan pelajaran-pelajaran yang pernah diajukan sejak jauh lalu dalam pengetahuan umat manusia.

1. Cowdry, G.: *The Buddhist States of Southeast Asia*, no. 21

BAB 2

SEJARAH PERKEMBANGAN AGAMA BUDDHA DI MALAYSIA

2.1 ZAMAN AWAL

Agama Buddha pada zaman awalnya boleh dikaitkan dengan adanya kemasukan orang-orang India ke Tanah Melayu dari awal era Kristian lagi. Tanah Melayu ketika itu dikenali oleh mereka sebagai Suvarnabhumi yang bermaksud 'Semenanjung Emas'. Memang tidak boleh disangkalkan mencari emas, barangan hutan dan jalan perdagangan merupakan di antara motif-motif orang-orang India datang ke sini pada masa itu. Namun demikian, salah satu faktor utama kedatangan mereka adalah sebab berkembangannya agama Buddha di negara India sendiri. Sebelum itu, pelayaran ke luar negera India selalu dihalang oleh konsep-konsep seperti kasta dan pencemaran. Memandangkan ini, agama Buddha yang menentang keras konsep-konsep seperti itu telah memberi galakan dan dorongan kepada golongan pelayar India ini untuk merantau. Bukti yang dapat diberikan ialah terdapat penggunaan patung-patung Buddha Dipankara oleh pelayar-pelayar ini untuk tujuan keselamatan semasa belayar.¹ Walaupun golongan pelayar ini amnya pedagang dan penjaja sahaja yang kurang pengetahuan mendalam

1. Coedes, G. The Indianised States of Southeast Asia. ms 21

tentang agama Buddha, namun mereka telah menyebarkannya juga setakat mana yang mereka mampu.

Perkembangan seterusnya agama Buddha di Tanah Melayu adalah semasa zaman-zaman pemerintahan kerajaan-kerajaan seperti Kedah, Langkasuka (timurlaut Tanah Melayu), Chih Tu (di sekitar Sungai Kelantan) dan Tun Sun (di sekitar Segenting Kra). Kerajaan-kerajaan tersebut telah wujud di sekitar abad kedua hingga abad keempat. Bukti-bukti arkeologi yang akan dijelaskan sebentar lagi akan menunjukkan kerajaan-kerajaan tersebut sudahpun menerima pengaruh agama Buddha.

Agama Buddha terus berkembang lagi semasa era empayar-empayar Hindu di rantau ini. Yang paling jelas sekali adalah empayar Srivijaya yang bermula pada penghujung abad ketujuh membawa kepada abad keempatbelas. Ini adalah kerana Srivijaya ketika itu merupakan pusat pengajian dan penyebaran agama Mahayanis Buddha yang unggul di rantau ini. Jadi, adalah tidak menghairankan kita jika Tanah Melayu juga, turut menerima pengaruh agama Buddha yang kuat memandangkan sebahagian besar Tanah Melayu sendiri telah jatuh di bawah jajahan empayer tersebut.

Bertapaknya agama Buddha di Tanah Melayu dari awal abad pertama lagi hingga ke abad keempatbelas boleh di

sokong oleh bukti-bukti hasil dari penggalian oleh ahli-ahli arkeologi dan sejarah. Bermula dengan bukti-bukti inskripsi, Lieutenant-Colonel James Low telah menjumpai sebuah 'slate-slab' dekat Bukit Meriam, Kedah. 'Slate slab' ini mempunyai tulisan abjad Pallava dan ianya mengandungi stanza Sanskrit Buddhis seperti 'ye dharma' dan lain-lain lagi. 'Slate slab' ini bertarikh permulaan abad kelima.² Dr. Quaritch Wales pula menjumpai inskripsi (juga di dalam tulisan abjad Pallava) pada sekeping kecil tanah liat berhampiran Sungai Bujang, Kedah. Inskripsi ini mengandungi tiga stanza Sanskrit yang menerangkan tentang mazhab Madyamika dari Mahayana Buddhisme. Ianya bertarikh lebih awal dari abad ketujuh.³

Jika dilihat bukti-bukti ukiran (sculptures) pula, sebuah patung Buddha berdiri yang diperbuat daripada gangsa dijumpai oleh Dr. Quaritch Wales di Kedah. Patung tersebut bertarikh lebih kurang abad kelima.⁴ Beliau juga telah menjumpai sebuah patung Buddha yang bertarikh di sekitar abad kelima dan abad keenam di Pengkalen, dekat Ipoh, Perak.⁵ Dr. Quaritch Wales di dalam artikelnnya

2. Quaritch Wales. The Malay Peninsula in Hindu Times ms 30
3. ibid ms 31
4. Mc Dougall. Buddhism in Malaya ms 55
5. ibid ms 57

'Ancient Indian Colonization in Malaya' yang terdapat dalam Journal 'Straits Branch Royal Asiatic Society' Jilid XVII 1940, m.s. 50 mengatakan di Perak sendiri terdapat enam patung Buddha yang dijumpai dari lombong-lombong timah.

Selain dari perjumpaan-perjumpaan arkeologi, bukti-bukti tulisan dan tekstual boleh juga menyokong kehadiran agama Buddha di negara ini pada zaman awalnya. I-Ching misalnya menegaskan Langkasuka merupakan satu pusat agama Buddha yang kuat dan merupakan tempat perhentian sami-sami Buddha dari negara China pada abad ketujuh.⁶ Ma Tuan Lin pula mengatakan di Chih-Tu terdapat pagoda-pagoda Buddhis dan ayah kepada pemerintah kerajaan tersebut merupakan seorang yang berpegang kuat pada agama Buddha.⁷ Tulisan-tulisan Arab abad ketujuh ada merujuk kepada sebuah 'Kingdom of Maharaja' yang kini besar kemungkinannya Kedah dan mengatakan rakyatnya merupakan pemegang agama Buddha yang kuat.⁸

Sebenarnya terdapat banyak lagi bukti untuk menunjukkan sudahpun terdapat ajaran agama Buddha di

6. Quaritch Wales op-cit ms 29, Wheatley The Golden Khersonese ms 26
7. Quaritch Wales op-cit ms 27
8. Mc Dougall op-cit ms 35

negara kita ini sejak awal-awal lagi. Akan tetapi, bukti-bukti yang telah diberikan memadai.

Zaman pengaruh Hindu kemudiannya mulai berkurang dengan kedatangan Islam pada abad keempatbelas. Zaman ini menampakkan penghapusan banyak kuil dan candi maupun patung-patung Buddha.⁹ Malah semua negeri di negara ini telah mulai memeluk agama Islam. Bagaimanapun, kedatangan jemaah-jemaah Buddhis (Buddhist pilgrims) ke Malaya selepas tahap ini tidak dihalang pula. Agama ini kemudiannya berkembang semula dengan perkembangan kedatangan penghijrah-penghijrah dan imigran-imigran Cina, Burma, Thai, Sri Lanka dan India ke negara ini.

2.2 ZAMAN PENJAJAHAN BRITISH HINGGA SELEPAS KEMERDEKAAN

Adalah kurang diketahui tentang kedudukan agama Buddha semasa penjajahan Portugis dan Belanda memandangkan kurang terdapat bukti-bukti dan maklumat-maklumat yang tepat mengenainya.

Zaman pemerintahan British pula tidak menampakkan banyak pertubuhan Buddhis yang kukuh. Cuma yang diketahui, pada tahun 1925, Penang Buddhist Association (PBA) telah ditubuhkan. Persatuan ini sangat aktif dan

9. Quaritch Wales op-cit ms 177

banyak melakukan kerja-kerja penyebaran agama seperti mengadakan ceramah dan memberi kemudahan kepada orang ramai untuk bermanfaat dari koleksi buku-buku agamanya yang banyak. Selain itu, ia juga memberi khidmat-bakti kepada masyarakat dengan melawat orang-orang sakit, melakukan upacara sembahyang untuk yang telah meninggal dunia, menderma untuk kebajikan dan lain-lain lagi. Kegiatan-kegiatan persatuan ini telah mendapat sambutan yang baik dari masyarakat dan berikutnya itu, banyak persatuan Buddhis yang lain telah muncul.

Pada tahun 1949, PBA dan organisasi-organisasi Buddhis yang lain telah membuat resolusi untuk merayu kepada kerajaan untuk mengistiharkan Wesak sebagai hari kelepasan am. Usaha-usaha ini telah memberansangkan lagi komuniti Buddhis di negara ini dan kemudiannya, banyak persatuan-persatuan Buddhis yang lain telah wujud lagi. Ini ternyata sekali di negeri-negeri Perak, Kuala Lumpur dan Melaka.

Dengan tertubuhnya pula organisasi 'World Fellowship of Buddhist' (WFB) di Sri Lanka pada tahun 1950, perkembangan agama Buddha di Malaya lebih pesat dan kemas lagi. Ini adalah kerana terdapat pusat-pusat di rantau ini (regional centres) iaitu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka yang menjadi afiliasi kepada WFB. Fungsi

pusat-pusat ini antara lain ialah untuk menggabungkan usaha-usaha persatuan-persatuan Buddhis di negara ini. Selain itu pusat-pusat ini juga menghadiri mesyuarat-mesyuarat antarabangsa untuk menuruti perkembangan agama Buddha di peringkat seluruh dunia. Pusat-pusat tersebut juga dikehendaki mengendalikan projek-projek yang telah dicapai dalam resolusi-resolusi mesyuarat antarabangsa itu untuk faedah komuniti Buddhis di negara ini. Namun demikian, rancangan-rancangan pusat-pusat ini kerap tergendala maupun gagal kerana masalah kewangan.

Berikutnya pula tahun 1959, Malayan Buddhist Association (MBA) telah ditubuhkan di Pulau Pinang. Kali ini, persatuan ini, PBA dan organisasi-organisasi Buddhis yang lain telah sekali lagi merayu kepada kerajaan untuk mengistiharkan Wesak sebagai hari cuti am. MBA juga telah membuat satu memorendum untuk dihantarkan kepada Dato Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman, P.M.N. yang pada masa itu salah seorang menteri (Minister of Interior) Persekutuan Tanah Melayu. Bagaimanapun, sebelum sempat memorendum itu dihantar, kerajaan telahpun mengumumkan Wesak sebagai hari kelepasan am. Hari bersejarah bagi umat Buddhis ini adalah pada 3hb Januari 1962. Mengikut pendapat pengkaji, hari Wesak mempunyai besar ertiannya kepada perkembangan agama Buddha di negara ini. Ini adalah kerana proses yang telah dilalui untuk mendapatkan cuti am pada Hari Wesak

telah membawa persatuan-persatuan dan umat Buddhis amnya lebih rapat lagi. Wesak merupakan satu-satu harinya di mana seluruh umat Buddhis di negara ini dapat berkumpul dan menguatkan pegangan dan keyakinan sesama sendiri dan kepada agama Buddha umumnya.

Seterusnya pada tahun 1962, Buddhist Missionary Society (BMS) telah ditubuhkan di Kuala Lumpur. Persatuan ini merupakan satu-satunya badan di Malaysia yang benar-benar telah melakukan banyak kerja penyebaran agama Buddha dengan teratur dan sistematik. Ini termasuk percetakan buku-buku agama yang jelas dan simple, majalah tahunan 'Voice of Buddhism' dan juga 'booklets' dari masa ke semasa. Di samping itu, badan tersebut juga mengadakan ceramah-ceramah agama dan mengendalikan bermacam-macam kursus untuk faedah masyarakat Buddhis. Walau bagaimanpun, tumpuan BMS adalah lebih kepada mereka yang berpendidikan Inggeris. Namun demikian, usaha-usaha murni ini tidak sia-sia sahaja. Para individu yang telah mendapat banyak manfaat dan pengetahuan dari BMS ini menjadi lebih berkeyakinan menubuhkan persatuan-persatuan Buddhis di negeri masing-masing pula. Persatuan Buddhis yang terdapat di Sungai Besi Military College, Kolej Tunku Abdul Rahman, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Sains Malaysia adalah di antara beberapa contoh hasil usaha nuklear-nuklear tersebut.

Pada tahun 1970, wakil-wakil dari 17 buah badan belia-belia Buddhis telah berkumpul di Universiti Malaya untuk menghadiri Seminar Belia-Belia Buddhis peringkat kebangsaan yang pertama. Perjumpaan ini sangat bermakna sebab dari mesyuarat inilah, Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM) telah ditubuhkan. YBAM merupakan persatuan belia-belia Buddhis nasional. Kini ia mempunyai 102 buah persatuan-persatuan Buddhis sebagai afiliasinya dan menjadi lambang untuk penyatuan para belia Buddhis di negara ini. Antara kegiatan-kegiatan YBAM termasuklah mengendalikan kursus-kursus agama, mengelolakan peperiksaan Buddhis dan mencetak serta menerbitkan buku-buku dan majalah-majalah agama. Ia juga menganjurkan aktiviti-aktiviti sosial seperti pertandingan-pertandingan, pertunjukan-pertunjukan kebudayaan dan kursus-kursus kepimpinan untuk mengisi masa lapang para belia Buddhis dengan berfaedah. Kini ia mengendalikan Yayasan YBAM iaitu mirip kosep sebuah syarikat perniagaan supaya untungnya boleh disalurkan kepada projek-projek yang akan dilaksanakannya nanti.

2.3 PERKEMBANGAN AGAMA BUDDHA MASAKINI

Di Malaysia, terdapat dua buah mazhab agama Buddha yang utama iaitu Mahayana dan Theravada. Secara amnya, mazhab Mahayana lebih menekankan konsep 'universal salvation' dan 'compassion'. Dengan lain perkataan,

mazhab ini mementingkan umatnya membantu sesama manusia untuk mencapai kebahagiaan kemanusiaan¹⁰ sejagat, lebih daripada mementingkan pencapaian kebahagiaan dirinya sendiri. Upacara sembahyangnya pula dilakukan dalam bahasa Cina (Mandarin maupun loghat-loghat lain) dengan diiringi oleh alat-alatan seperti loceng, gong dan 'wooden fish'.¹¹ Organisasi Buddhisnya pula lebih merupakan tanggungjawab seorang individu. Di dalam hal ini, banyak tokong Buddha adalah di bawah pentadbiran seorang sami Buddha. Contoh negara-negara yang memeluk mazhab Mahayana adalah China, Jepun, Korea dan Tibet.

Mazhab Theravada pula mementingkan konsep 'self-enlightenment' dan 'wisdom' di mana penekanan banyak diberikan kepada diri seseorang individu itu supaya ia boleh membebaskan dirinya dari kesengsaraan dunia dan mencapai Nirvana.¹² Upacara sembahyang mazhab ini simple sahaja iaitu hanya dengan perlafazan (chanting) stanza-stanza dan sutra-sutra dalam bahasa Pali sahaja.¹³ Organisasi Buddhisnya pula boleh dibahagikan kepada dua, iaitu jenis Sri Lanka dan jenis Thai. Organisasi jenis

10. Teoh Eng Soon Malayan Buddhism ms 24, 26, 31
11. Blofeld Mahayana Buddhism in South-East Asia ms 31, 32
12. Teoh Eng Soon op-cit ms 24, 26, 31
13. Lester Theravada Buddhism in South-East Asia ms 110, 111

Sri Lanka merupakan organisasi yang dikendalikan oleh satu jawatankuasa dan sami-sami Buddha cuma menguruskan hal-hal keagamaan dan upacara sembahyang sahaja. Organisasi Thai pula mempunyai organisasi seperti jenis Mahayana maupun seperti jenis Sri Lanka. Contoh negara-negara yang berpegang kepada mazhab Theravada ialah Sri Lanka, Thailand, Burma dan Laos.

Di negara ini, tidak hairanlah terdapat lebih organisasi Buddhis mazhab Mahayana kerana bilangan orang-orang Cina adalah lebih ramai jika dibandingkan dengan orang-orang Sinhalese, Burma maupun Thai. Namun, yang perlu diketahui di sini adalah, orang-orang Cina di negara ini tidak berpegang teguh pada satu-satu mazhab sahaja. Mereka didapati mengamalkan kepercayaan mazhab Theravada juga.

Agama Buddha sejak akhir-akhir di negara kita ini pula menampakkan satu perkembangan yang baru. Ini berikutan dengan berkembangnya mazhab-mazhab baru seperti Zen, Vajrayana, Tibetan dan Nisheren. Malah ianya agak popular di kalangan masyarakat Buddhis dan golongan yang dahulunya mempraktikkan ajaran 'Confucius' dan 'Tao'.

Menurut Encik Teh Thean Choo,¹⁴ perkembangan mazhab-mazhab baru ini adalah disebabkan guru-guru dari mazhab-

mazhab tersebut telah dibuang dari negara masing-masing. Ini memang jelas di negara India dan China. Memandangkan ini, guru-guru ini pula mula menyebarkan ajaran mereka ke Eropah dan Malaysia. Di samping itu, ditambah pula dengan sifat masyarakat Buddhis di Malaysia ini (seperti yang telah dinyatakan), tidak hairanlah mazhab-mazhab ini dapat berkembang dengan cepatnya. Mazhab Zen dan Nisheren pula, menurut Encik Teh, dapat bertapak di negara ini memandangkan masing-masing mazhab mempunyai sokongan kewangan yang kukuh (mazhab-mazhab ini berasal dari Jepun).

Menurut pendapat Venerable Piyasilo¹⁵ pula, perkembangan mazhab-mazhab ini pula adalah disebabkan oleh dua faktor:

- (a) Nasionalisme - dalam keadaan polarisasi sekarang ini, masyarakat Cina mula mencari akar umbi masing-masing dan dengan menyertai mazhab-mazhab ini, mereka dapat menimbulkan identiti mereka.
- (b) Praktikel - memandangkan mazhab Tibet dan

14. Temuduga dengan Presiden Buddhist Missionary Society, Kuala Lumpur.
15. Temuduga dengan Pengarah Spiritual Persatuan Friends of Buddhism Malaysia.

Vajrayana banyak menggunakan mantra-mantra dan melalui proses magikel, masyarakat Cina menggemarinya.

'Japanese Buddhism' pula menurut beliau berkembang bersama dengan perkembangan industrialisasi di negara ini. Lagipun memandangkan mazhab ini kurang mementingkan rukun-rukun agama, ianya menjadi minat kebanyakan golongan pekerja industri.

BAB 3

SEJARAH PENUBUHAN PERSATUAN BUDDHIS SECK KIA EENH MELAKA DARI AWAL HINGGA KEMASAKINI

3.1 TAHAP 1: 1920-1962

Persatuan Buddhis Seck Kia Eenh Melaka atau yang lebih dikenali oleh masyarakat Buddhis Melaka sebagai Seck Kia Eenh (SKE) lahir dalam tahun 1920. Persatuan ini telah diasaskan oleh sekumpulan kecil orang-orang Peranakan (Straits Chinese) dari negeri Melaka sendiri. Tiada diketahui tujuan khusus pembentukan persatuan ini, cuma para pengasasnya dikatakan sangat bercenderungan terhadap agama semata-mata (very religious minded). Antara pengasas-pengasasnya yang unggul ialah Mendiang-mendiang Yeo Joay Tee, J.P. Chan Hong Teck, Chan Eng Kiat, Toh Seng Watt, Seet Lian Seng, Tan Soo Lock, Ong Lian Boon, Tang Meng Tee, Lim Tong Chiew dan Chan Cheng Kiat (dan Encik Chan Chuan Tong.) Namun demikian, Encik Chan Chuan Tong yang juga merupakan salah seorang pengasas awal masih hidup lagi ketika kajian ini dijalankan. Beliau sekarang berusia dalam lingkungan 90 tahun.

Memandangkan persatuan ini tidak mempunyai sebuah patung Buddha dan lagipun para pengasasnya menunjukkan

minat yang tinggi dalam agama Buddha, Venerable P. Ratanatissa telah menghadiahkan sebuah patung Buddha gangsa (yang hingga kini masih ada) kepada persatuan ini. Venerable P. Ratanatissa ialah seorang sami Buddha dari Pulau Pinang yang sekali-sekala diundang untuk memberi ceramah agama di persatuan ini. Patung Buddha gangsa tersebut telah dibawanya sendiri dari Rangoon, Burma. Sejurus tibanya di Stesen Keretapi Melaka, patung Buddha tersebut diperarakkan sekitar bandar Melaka. Oleh kerana persatuan ini tidak mempunyai premises yang tetap lagi pada awalnya, patung Buddha tersebut telah ditempatkan di Tokong Geok Siow Kong di Jalan Tengkera buat sementara waktu. Di tokong ini jugalah merupakan tempat di mana aktiviti-aktiviti awal persatuan ini diadakan. Kemudiannya pula, persatuan ini menggunakan Tokong Kwan Im Tong di Jalan Hang Jebat sebagai premisesnya. Ini berikutan dari perselisihan faham antara para pengasas persatuan ini dengan pemegang-pemegang amanah Tokong Geok Seow Kong.

Pada tahun 1938, usaha-usaha telah dibuat oleh para pengasas persatuan ini untuk membeli sekeping tanah di Jalan Gajah Berang. Bangunan persatuan ini ketika itu hanya merupakan sebuah bungalow papan yang lama. Pada tahun 1950, sebuah Jawatankuasa Tabung Bangunan telah ditubuhkan. Tugas jawatankuasa ini ialah untuk berikhtiar

mendapatkan wang supaya dapat membina sebuah bangunan baru untuk persatuan ini. Akhirnya, pada tahun 1956, sebuah bangunan baru yang berharga dalam lingkungan \$30,000.00 menjadi nyata juga. Ini adalah hasil dari derma-derma yang dikutip dari orang-perseorangan maupun dari siri-siri pertunjukan (concerts) yang diadakan oleh ahli-ahli persatuan dari masa ke semasa. Perasmian bangunan baru ini adalah pada 23hb Mei 1956. Pada masa yang sama juga, patung Buddha gangsa yang menumpang di Tokong Cheng Hoon Teng selama pembinaan bangunan baru ini dijalankan, dibawa masuk dengan rasminya ke dalam bangunan baru persatuan ini.

Pada tahun yang sama juga, persatuan ini sangat bertuah sebab telah menerima sebiji benih suci pokok bodhi dari Anuradhapura, Sri Lanka. Benih suci tersebut telah dihadiahkan kepada persatuan ini oleh Venerable M. M. Mahaveera Thera. Benih suci tersebut telah ditanam di kawasan hadapan persatuan ini oleh Mendiang Yeo Joay Tee. Berikutan ini, kawasan persekitaran pokok Bodhi ini menjadi tempat beribadat yang suci bagi persatuan ini. Pokok tersebut hidup dengan suburnya dan masih wujud lagi hingga kini.

Aktiviti-aktiviti awal persatuan ini termasuklah ceramah agama yang diberikan sendiri oleh Mendiang Yeo

Joay Tee dan sekali-sekala dibantu oleh Mendiang-mendiang Chan Hong Teck dan Tan Seng Tee. Dari masa ke semasa juga, sami-sami Buddha dari Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Singapura maupun dari seberang laut dijemput untuk memberi ceramah-ceramah agama di persatuan ini.

Di samping itu, upacara-upacara sembahyang (service) atau yang lebih dikenali sebagai 'puja' turut dijalankan. Puja dilakukan dalam bahasa Pali dan bahasa Inggeris. Bagaimanapun ianya ringkas sahaja. Tidak lama kemudian, puja dalam bahasa Hokkien diperkenalkan. Ini adalah hasil dari lawatan beberapa orang dari persatuan ini ke Persatuan Singapore Buddhist Union. Malah wujud kumpulan 'Chinese Prayers Section' di persatuan ini yang tugasnya ialah untuk mengendalikan puja tersebut. Semenjak itu, puja dalam bahasa Hokkien merupakan yang terpenting dan ianya merangkumi banyak sutra dan mantra. Bagaimanapun puja tersebut adalah dalam 'romanised Hokkien' bagi membolehkan orang-orang Peranakan melafazkannya. Ini adalah kerana rata-rata orang kaum Peranakan tidak boleh membaca menurut bahasa Cina.

Satu lagi aktiviti awal persatuan ini adalah perayaan Hari Wesak. Bagaimanapun peranakan hanya tertumpu di dalam kawasan persatuan ini sahaja.

Apa yang jelas ketika itu ialah para pengasas serta ahli-ahli persatuan ini banyak dipengaruhi oleh adat istiadat dan upacara-upacara yang tidak selaras dengan agama Buddha dalam praktis mereka. Boleh dikatakan banyak unsur kebudayaan Cina dan agama Tao dicampuradukkan ke dalam agama Buddha. Misalnya, terdapat upacara menyembah dewa 'Tih Kong' tiap-tiap permulaan tahun kalender Cina dan upacara 'Pai Tau' yakni menyembah dewa 'Jade Emperor' pada tiap-tiap hari ke 9 dalam kalender Cina. Terdapat juga penggunaan pedang dalam upacara-upacara tertentu untuk menghalau hantu (evil) dan praktis membakar kertas. Pada Hari Wesak pula, sejenis meja yang diberi nama 'Sam Kai' didirikan untuk memberi penghormatan pada raja dewa di syurga. Banyak lagi upacara yang berlebihan dijalankan ketika itu.

Pada masa kependudukan Jepun, aktiviti-aktiviti rasmi persatuan ini telah diberhentikan dari 28hb Disember 1941 hingga ke 30hb Oktober 1945. Selepas itu, sebuah jawatankuasa ad-hoc telah ditubuhkan untuk pergi berjumpa dengan Encik E. N. Dias yang ketika itu merupakan Pentadbir Militari British untuk mendapatkan kebenaran bagi memulakan semula aktiviti-aktiviti persatuan. Ini berikutnya dengan kembalinya semula pihak British untuk memerintah Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

Pada 30hb April 1958, lahir Malacca Buddhist Association Youth Circle (MBAYC) di bawah cadangan Venerable Sumangalo. Beliau ialah seorang sami Buddha yang telah melawat (visiting monk) dan menetap di persatuan ini bagi beberapa tempoh waktu hingga ke akhir hayat beliau pada tahun 1963. MBAYC ini menitikberatkan konsep kedinamikan belia-belia. Beberapa bulan selepas ia ditubuhkan, MBAYC telahpun menghantar delegasi untuk menyertai 'First Pan Malayan Buddhist Youth Convention' di Pulau Pinang. MBAYC juga telah mencadangkan 'Sunday School' di mana kelas-kelas mengajar Dhamma iaitu ajaran Buddha diadakan tiap-tiap hari Ahad untuk kanak-kanak. Sambutannya dikatakan menggalakkan. Aktiviti-aktiviti lain yang kerap dijalankan ialah penerbitan majalah 'Lotus', mengadakan 'food and fun fair' dan pertunjukan-pertunjukan untuk mengutip derma untuk projek-projek tertentu. MBAYC juga mengambil bahagian aktif dalam perayaan Hari Wesak. Seterusnya, pada penghujung tahun 1960, MBAYC telah menjadi tuan rumah untuk 'Second Malayan Buddhist Youth Federation Convention'.

Dalam jangkamasa 1920 hingga 1937, hampir semua pentadbiran persatuan dikendalikan oleh Mendiang Yeo Joay Tee dan rakan-rakannya. Beliau terus berpengaruh lagi hingga ke tahun 1969 memandangkan beliau telah dilantik menjadi pemegang amanah (trustee) persatuan ini sejak

tahun 1939 lagi oleh jawatankuasa induk persatuan ini yang pertama. Walaupun aktiviti-aktiviti awalnya berbentuk stereotipaip sahaja, namun, Mendiang Yeo Joay Teelah sebenarnya mengambil banyak inisiatif sendiri untuk terus memberi ceramah dan mengendalikan puja bahasa Pali dan Inggeris sebelum wujudnya kumpulan 'Chinese Prayers Section' supaya persatuan ini boleh terus berkembang. Hanya apabila MBAYC ditubuhkan, barulah terdapat variasi dalam aktiviti-aktiviti persatuan ini. Akan tetapi jangkamasa 1920 hingga 1963 ini merupakan suatu tempoh masa di mana persatuan ini diselubungi banyak adat-istiadat dan upacara-upacara yang tidak selaras dengan ajaran agama Buddha.

3.2 TAHAP 2: 1963-1969

Pada tahun 1963, Venerable Ananda Mangala telah datang ke persatuan ini dan menjadi 'resident monk' yang pertama. Dengan kedatangannya itu, beliau telah terus memperhebatkan lagi gerakan belia-belia persatuan ini. Buat pertama kalinya di Malaysia, Venerable Ananda Mangala telah mengendalikan aktiviti-aktiviti berikut:

- i) Seminar Belia-belia Buddhis (11hb-18hb Ogos 1963): melatih belia-belia dalam aspek-aspek kepimpinan dan perpaduan. Antara peserta-peserta seminar ini terdiri dari Buddhist Union Youth Circle, Singapura,

Selangor Buddhist Association Youth Circle, Buddhist Missionary Society, Kuala Lumpur dan tuan rumah sendiri iaitu MBAYC. Fokus utama seminar ini ialah untuk mewujudkan perpaduan di kalangan berbagai bangsa dan agama dan juga untuk mentaati raja dan negara. Antara aktiviti-aktiviti dalam seminar ini ialah ceramah-ceramah agama, sukan, debat, peraduan nyanyi, kuiz dan bermacam-macam lagi.

- ii) 'Holiday Camp Dhamma Training Course' (15hb Disember 1963):

lebih dari 20 buah ceramah Dhamma telah diberikan oleh sami-sami Buddha yang terkenal.

- iii) 'All Night Chanting' (24hb-25hb Disember 1964):

upacara sembahyang semalam untuk memberi pahala dan kebahagiaan kepada raja, negara dan rakyat keseluruhan.

- iv) Perarakan sekitar bandar pada 'Wesak Eve' dengan mengambil keluar patung Buddha gangsa sebagai 'main float' (1964).

- v) Pertunjukan-pertunjukan kebudayaan yang konstruktif dan persembahan drama-drama Buddhis yang baik.

Sebenarnya terdapat banyak lagi aktiviti yang dikendalikan oleh Mendiang Venerable Ananda Mangala.

Antaranya termasuklah mengendalikan kelas Dhamma tiap-tiap hari Ahad, mengadakan 'Multi-Religious Forum', 'Buddhist Youth Sports Meet', 'Buddhist Youth Talenteime' dan lain-lain lagi.

Mendiang Venerable Ananda Mangala juga merupakan orang pertama yang telah mengutuk secara terbuka upacara-upacara dan adat-istiadat bukan Buddhistik yang dipraktikkan oleh para pengasas dan ahli-ahli persatuan ini. Sebaliknya, beliau telah berusaha menasihati dan menunjuk-ajar ajaran dan aspek praktikel agama Buddha yang tulen. Mendiang Venerable juga telah memberi keutamaan kepada 'Pali Chanting' tetapi pada masa yang sama, mengekalkan juga puja bahasa Hokkien. Sebenarnya, inilah yang telah menjadikan persatuan ini unik di negara ini ketika itu kerana terdapat pergabungan upacara sembahyang mazhab Theravada dan Mahayana.

Dalam tempoh 1963-1967, MBAYC amat aktif sekali dan aktiviti-aktiviti persatuan ini berkembang maju. Persatuan ini juga mula menjadi popular di kalangan persatuan-persatuan Buddhis yang lain di negara ini buat pertama kalinya. Praktis yang bukan Buddhistik juga telah dihapuskan dalam tempoh masa ini.

Sepeninggalan Venerable Ananda Mangala ke Singapura

pada tahun 1967, MBAYC telah dibubarkan. Ini memandangkan ramai pemimpin MBAYC berhijrah keluar berikutan dari perpecahan di kalangan para pemimpin MBAYC sendiri dan konflik status antara MBAYC dengan jawatankuasa induk persatuan ini. Namun demikian, Sunday School terus berkembang dengan progesifnya. Bilangan kelas-kelas dalam Sunday School terus meningkat. Ini membuatnya menyerupai sebuah sekolah. Lantas pada penghujung tahun 1969, Seck Kia Eenh Dhamma School telah ditubuhkan. Konsep Dhamma School telah diperkenalkan untuk menunjukkan persatuan ini mempunyai satu sistem pengajaran agama Buddha yang teratur. Setahun selepas ini, persatuan ini memperolehi Venerable Somaloka dari Kuala Lumpur sebagai 'resident monk' nya yang kedua. Beliau hanya berkhidmat selama setahun.

3.3 TAHAP 3: 1970-1978

Venerable Piyasilo merupakan 'resident monk' persatuan ini yang ketiga. Beliau telah dilantik pada tahun 1976. Namun demikian, beliau telah mula berjinak dan berkhidmat untuk Persatuan Seck Kia Eenh sejak tahun 1970 lagi. Beliau juga merupakan anak jati negeri Melaka. Dalam tempoh 1970-1978, Venerable Piyasilo telah menyusun semula struktur SKEDS dengan lebih kemas dan sistematik lagi. Kelas-kelas Dhamma dikelolakan dengan teratur dan berpandukan sukatan yang sesuai dan komprehensif. Di atas

usaha gigih beliau juga, 'integrated syllabus' yang terdiri dari 330 unit topik-topik Dhamma telah disiapkan. Kelas-kelas Dhamma juga telah dibahagikan kepada 'Lower Grades, Middle Grades dan Upper Grades' bagi memenuhi tahap-tahap pemikiran ahli-ahli persatuan yang berbeza-beza. Venerable Piyasilo juga merupakan Pengetua SKEDS yang pertama.

Venerable Piyasilo juga telah memulakan 'Seck Kia Eenh Buddhist Correspondence Course' untuk mereka-mereka yang tidak berpeluang menghadiri kelas-kelas Dhamma. Beliau kemudiannya pula memperkenalkan 'Teacher's Pool System' untuk mereka yang mengajar Dhamma dan dinasihatinya oleh beliau sendiri. Ini adalah supaya mereka yang terlibat boleh mengajar dengan lebih berkesan lagi di samping dapat mengagih tugas dengan lebih seimbang sesama mereka. Venerable Piyasilo juga telah memulakan 'Sixth Form Library' untuk memberi peluang kepada ahli-ahli persatuan yang masih bersekolah tempat yang sesuai untuk mengulangkaji dan belajar. Kini perpustakaan ini berkembang menjadi perpustakaan Ananda Mangala. Venerable seterusnya membentuk 'Malacca Buddhist Youth Societies' yang terdiri dari persatuan-persatuan Buddhis sekolah-sekolah di Melaka. Ini adalah supaya persatuan-persatuan ini dapat digabung dan disatukan serta boleh bekerjasama dengan lebih erat antara satu sama lain.

Boleh dikatakan dalam jangkamasa 1970–1978, SKEDS telah berkembang dengan pesatnya lebih-lebih lagi dalam aspek keagamaan. Pengajaran dan penyebaran agama Buddha dalam tahap ini amat kemas dan licin sekali. Di dalam tempoh beliau ini juga, peperiksaan Buddhis telah diperkenalkan kepada SKEDS. Kini, Venerable Piyasilo adalah pengarah Persatuan Friends of Buddhism Malaysia di Petaling Jaya.

3.4 TAHAP 4: 1979–1987

Mengikut pendapat pengkaji, tahap ini merupakan era baru dalam sejarah persatuan Buddhis Seck Kia Eenh. Sebelum ini pengkaji mendapati pengaruh dan dominasi oleh seorang tokoh dalam tiap-tiap tahap adalah jelas. Misalnya, tahap 1920–1962 adalah oleh Mendiang Yeo Joay Tee dan rakan-rakannya, tahap 1963–1967 oleh Mendiang Venerable Ananda Mangala dan tahap 1970–1978 oleh Venerable Piyasilo. Tahap 1979–1987 pula menampakkan perbezaan yang jelas, yakni bebas dari pengaruh orang-perseorangan. Mulai tahap ini, Persatuan Buddhis Seck Kia Eenh dikendalikan dengan penuh keyakinan dan licinnya oleh Jawatankuasa induk dan SKEDS semata-mata. Walaupun dengan kedatangan Venerable K Khemarama dari Sri Lanka sebagai 'resident monk' persatuan ini yang keempat, beliau tidak dapat berpengaruh luas di dalam pentadbiran dan politik persatuan ini.

Tiada banyak pembaharuan dari segi aktiviti-aktiviti dalam tempoh ini, tetapi memang sudah memadai apabila Jawatankuasa induk dan SKEDS berjaya meneruskan aktiviti-aktiviti yang telah diperkenalkan oleh Mendiang Venerable Ananda Mangala dan Venerable Piyasilo. Bagaimanapun, kualiti aktiviti-aktiviti berikut tidak sebaik dahulu. Ini mungkin sebab pemimpin-pemimpin Buddhis yang dinamis semakin berkurangan!

Fungsi Venerable K Khemarama tertakluk kepada menasihati hal-hal keagamaan dan mengendalikan puja untuk apa-apa jenis upacara jua pun. Walaupun beliau dilantik menjadi Pengetua SKEDS yang kedua, beliau jarang menyelami dalam bidang penyebaran dan pengajaran agama Buddha. Ini adalah kerana beliau tidak begitu fasih dalam bahasa Inggeris menyebabkan sukar untuknya memberi penerangan yang jelas apabila memberi ceramah-ceramah. Namun, beliau tidak membiarkan kelemahannya begitu sahaja. Atas inisiatif dirinya sendiri dan dibantu oleh ahli-ahli persatuan ini, beliau mempelajari bahasa Inggeris hari demi hari. Semasa pengkaji menjalankan kajian, Venerable berada di Amerika Syarikat untuk mengikuti kursus bahasa Inggeris. Harapan ahli-ahli persatuan adalah semoga sekembalinya ke persatuan ini nanti, beliau dapat mengelolakan aktiviti-aktiviti Dhamma dengan baiknya.

Tempoh ini juga memperlihatkan persatuan ini dapat mengukuhkan kedudukan kewangannya. Persatuan ini sempat dalam jangkamasa ini mengendalikan sebuah Tadika dan menguruskan sebuah 'reliquarium' sebagai cara menambah pendapatan persatuan. Dalam tempoh ini juga 'shrine hall' telah dapat diperbesarkan dan sebuah bangunan 4 tingkat didirikan. Kini pula, persatuan ini adalah di dalam proses untuk memperbesarkan dewan 'Buddha Jayanti' dan membina sebuah stupa.

Persatuan ini sekarang merupakan salah satu persatuan agama yang ternama di Melaka dan selagi ia dapat mengekalkan pencapaian-pencapaiannya, ia akan terus maju. Tidak kurang juga, dedikasi ahli-ahli jawatankuasa dan sokongan ahli-ahli persatuan tidak boleh diperkecilkan dalam hal tersebut.

BAB 4

DISKRIPSI TENTANG PERSATUAN BUDDHIS SECK KIA EENH, MELAKA

4.1 PENGENALAN

Persatuan Buddhis Seck Kia Eenh terletak di bandar Melaka yakni beralamatkan No 57, Jalan Gajah Berang. Nama Seck Kia Eenh ini sebenarnya merupakan nama Hokkien yang bermaksud 'Tokong Sakya' (Monastery of the Sakya). Nama tersebut telah diilhamkan oleh Mendiang Yeo Joay Tee yang merupakan salah seorang dari pengasas utama persatuan ini. Menurut pihak pentadbir persatuan ini, SKE merupakan sebuah persatuan tanpa mazhab (non-sectarian). Kini SKE berumur 67 tahun.

Persatuan ini mempunyai kawasan seluas 3 roods dan 14.2 poles. Ia mempunyai 2 buah tempat beribadat yang penting iaitu sebuah 'shrine hall' dan sebuah lagi merupakan kawasan perkarangan pokok Bodhi (Bodhi area). Di samping itu, persatuan ini mempunyai sebuah bangunan 3 tingkat yang digunakan untuk mengendalikan 6 buah kelas Tadika. Namun demikian, pada hari-hari Ahad, bangunan ini digunakan pula sebagai kelas-kelas untuk mengajar Dhamma. Terdapat juga sebuah bangunan 4 tingkat yang baru siap dibina pada awal tahun 1986. Tingkat bawahnya terdiri daripada sebuah pejabat am dan sebuah 'reliquarium'.

Tingkat kedua pula merupakan tempat kediaman sami-sami Buddha (monks quarters) dan sebuah bilik mesyuarat. Tingkat ketiga adalah ruang yang digunakan untuk mengendalikan kelas Dhamma pada hari Ahad. Akhir sekali, tingkat keempat adalah sebuah perpustakaan. Persatuan ini juga mempunyai sebuah dewan kecil yang diberi nama Buddha Jayanti Hall. Dewan ini biasanya digunakan untuk perjumpaan-perjumpaan maupun sebagai bilik muzik untuk Tadika SKE. Kini pula, persatuan ini adalah di dalam proses untuk membina sebuah stupa. (Sila lihat lampiran I untuk peta lakar ringkas persatuan ini dan Lampiran 2, gambar (i)-(xv) untuk mendapat gambaran yang lebih jelas).

Moto persatuan ini ialah 'Sila, Samadhi dan Panna' yang bermaksud 'Morality, Concentration and Wisdom' masing-masing. Moto ini digambarkan oleh logo seperti berikut:



Objektif-objektif persatuan ini seperti yang tertera di dalam 'Rules and Bye-Laws of Seck Kia Eenh (Malacca Buddhist Association)' adalah seperti berikut"

- a) menyebar dan menggalakkan pendidikan, moral dan kebudayaan berasaskan prinsip-prinsip dan ajaran agama Buddha.
- b) menyemai aspek-aspek sosial, intelektual dan kebajikan di kalangan para penganut agama Buddha.
- c) menyemai nilai-nilai murni, persefahaman dan keamanan kepada semua tanpa mengira kaum dan mempraktikkan agama Buddha.
- d) mengendalikan dan/atau membiayai ceramah-ceramah tentang ajaran agama Buddha serta lain-lain falsafah.
- e) memberi perkhidmatan dan nasihat keagamaan kepada ahli-ahlinya maupun umat Buddhis dalam masa-masa kesakitan dan kematian.
- f) mengadakan perayaan Wesak tiap-tiap tahun.
- g) menerbitkan buku-buku mengenai ajaran agama Buddha dalam bahasa Malaysia, Cina maupun Inggeris.
- h) mengadakan kelas-kelas mengajar ajaran Buddha (Dhamma).

Persatuan ini didatangi oleh kebanyakan para belia terutamanya mereka yang masih bersekolah. Malah persatuan ini boleh dikatakan puat untuk belia-belia Buddhis. Kanak-kanak juga tidak kurang ramainya. Sebenarnya, kelas

Dhamma untuk kanak-kanak telah menjadi semakin popular. Kini pula, persatuan ini mula mendapat sambutan hebat dari kalangan orang-orang dewasa maupun dari generasi tua. Golongan tersebut ini juga sangat aktif dalam aktiviti-aktiviti persatuan.

4.2 PENTADBIRAN

Persatuan Buddhis Seck Kia Eenh dibahagikan kepada dua badan yang mentadbir yakni Jawatankuasa induk (parent body) dan Seck Kia Eenh Dhamma School (SKEDS).

4.2.1 Jawatankuasa Induk

Jawatankuasa induk terdiri dari portfolio-portfolio berikut:

- a) Pengerusi
- b) Timbalan Pengerusi
- c) Setiausaha
- d) Penolong Setiausaha
- e) Bendahari dan
- f) 6 Orang Ahli Jawatankuasa Biasa

Jawatankuasa induk ini akan memilih seorang 'resident monk' yang akan menasihatinya di dalam menguruskan hal-hal keagamaan. Pada masa yang sama juga, sami tersebut dikehendaki oleh jawatankuasa

ini untuk mengendalikan semua jenis upacara sembahyang dan memberi kaunseling kerohanian sekiranya mampu (spiritual counselling). Jawatankuasa ini juga berkuasa memilih pemegang-pemegang amanah dan penaung-penaung (trustees and patrons) untuk persatuan ini.

Amnya, jawatankuasa induk ini mengendalikan keseluruhan pentadbiran persatuan ini. Badan tersebut menggaji seorang kerani untuk melakukan hal-hal pengurusan rasmi persatuan. Di samping itu, seorang 'caretaker' juga diambil untuk bekerja demi menjaga kebersihan dan keselamatan persatuan ini. Memandangkan persatuan ini menguruskan sebuah Tadika, adalah menjadi tanggungjawab jawatankuasa ini untuk menggaji 8 orang guru yang sesuai untuk mengajar di Tadika tersebut. Ia juga perlu mengendalikan perkhidmatan pendaftaran perkahwinan seperti yang dikehendaki oleh kerajaan negeri Melaka. Seperkara lagi jawatan kuasa ini perlu melihat supaya persatuan ini seboleh-bolehnya dapat menyediakan berbagai perkhidmatan kerohanian kepada masyarakat umum. Ini termasuklah mengendalikan upacara-upacara sembahyang, untuk yang memohon untuknya.

Sesungguhnya, jawatankuasa ini mempunyai kuasa yang penuh dan mutlak. Badan tersebut sajalah yang boleh membuat kata putus dalam apa hal jua pun. Dengan yang demikian, jawatankuasa inilah yang membuat dasar-dasar dan polisi-polisi persatuan serta berhak melulus atau membatalkan keahlian seseorang itu. Ia juga memastikan yang peraturan-peraturan persatuan ini dipatuhi serta wujudnya satu masyarakat dalaman yang berdisiplin dan bermoral selaras dengan objektif persatuan ini. Selain itu, jawatankuasa ini perlu memastikan sama ada aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh SKEDS adalah sesuai dan memanfaatkan atau tidak. Akhirnya sekali, ia mesti menguruskan hal-hal kewangan persatuan ini dengan sempurna.

4.2.2 Seck Kia Eenh Dhamma School

Seck Kia Eenh Dhamma School lebih merupakan sebuah organisasi untuk para belia. Namun, sesiapa sahaja tanpa mengira umur boleh menjadi ahli SKEDS. Seperti yang telah dinyatakan, SKEDS adalah tertakluk kepada jawatankuasa induk persatuan ini pada bila-bila masapun. Ini adalah kerana ia bukan satu persatuan yang didaftarkan. (Ia merupakan sebuah sekolah agama dan bukan salah sebuah sekolah sekular.) Dengan yang demikian, apa-apa saja

aktiviti yang akan dikendalikan oleh SKEDS perlu diluluskan oleh jawatankuasa induk terlebih dahulu. Pengerusi SKEDS juga dikehendaki menghadiri mesyuarat jawatankuasa induk untuk memberi laporan semasa mengenai perjalanan SKEDS. Pada masa yang sama, 2 orang ahli jawatankuasa induk akan menjadi penasihat SKEDS dan akan menghadiri mesyuaratnya juga.

SKEDS terdiri dari portfolio-portfolio berikut:

- i) Pengerusi
- ii) Timbalan Pengerusi
- iii) Setiausaha
- iv) Penolong Setiausaha
- v) Bendahari
- vi) Penolong Bendahari
- vii) 8 orang ahli jawatankuasa yang berportfolio:
 - a) Seksi Dhamma
 - b) Seksi Penerbitan dan Publisiti
 - c) Seksi Dapur
 - d) Seksi Kerohanian dan Keagamaan
 - e) Seksi Pendidikan
 - f) Seksi Rekreasi
 - g) Seksi Perpustakaan
 - h) Seksi 'Maintenance'

i) Seksi 'Public Relations'

a) Seksi Dhamma

Seksi Dhamma ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian Sunday School dan bahagian projek. Bahagian Sunday School bertanggungjawab mengendalikan kelas-kelas mengajar Dhamma (ajaran Buddha) pada tiap-tiap hari Ahad. Kelas-kelas ini dibahagikan pula kepada tiga yakni:

i) Adult Discussion Class (ADC)

ADC ini terdiri dari kebanyakan golongan yang telah bekerja dan generasi tua. (Lihat Lampiran 2, gambar (xix).)

ii) Youth Discussion Class (YDC)

YDC ini terdiri dari penuntut-penuntut sekolah dan dibahagikan kepada seksi bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris. Bagaimanapun, seksi bahasa Mandarin ini terdiri dari satu kelas sahaja. Seksi bahasa Inggeris pula dibahagikan kepada tiga kelas berdasarkan tahap pengetahuan ajaran agama Buddha yang berbeza. Yang demikian, 'Junior I' dikhaskan untuk ahli-ahli yang baru. 'Junior II' pula

adalah untuk mereka-mereka yang sudah mempunyai asas ajaran agama Buddha dan 'Senior' pula dikhaskan untuk mereka-mereka yang telah melalui tahap 'Junior I' dan 'Junior II'.

iii) Children Dhamma Class (CDC)

CDC tidak lain dan tidak bukan terdiri dari kanak-kanak yang dari peringkat Tadika hingga ke peringkat Darjah Enam (5-12 tahun). CDC ini juga terbahagi kepada kelas bahasa Mandarin dan kelas bahasa Inggeris.

Amnya, bahagian Sunday School ini menggunakan sukatan pelajaran yang dirancangkan sendiri oleh panel yang terdiri dari Pengetua SKEDS dan guru-guru Dhamma. Sukatan pelajaran ini didapati oleh pengkaji berdasarkan teks mazhab Theravada semata-mata. Malah kelas bahasa Mandarin juga berdasarkan teks mazhab Theravada, cuma bahasa penghantarnya sahaja bahasa Mandarin. Antara aktiviti-aktiviti biasa kelas-kelas Dhamma ini ialah ceramah, perbincangan, nyanyian 'Buddhist hymns' dan 'chanting'. Selain itu, ia juga membuat lawatan-lawatan dan mengadakan pertunjukan. Seperkara lagi Sunday School ini juga menyertai dalam peperiksaan

Buddhis yang diadakan setahun sekali.

Bahagian projek pula bertanggungjawab mengelolakan aktiviti-aktiviti Dhamma yang umum dan khas untuk persatuan ini. Aktiviti-aktiviti ini akan terbuka kepada semua ahli persatuan dan masyarakat umum. Sebenarnya, ini merupakan tahun pertama bahagian projek ini dibentukkan. Antara projek-projek khas yang telah dikelolakan setakat ini ialah:

- i) ceramah-ceramah agama oleh sami-sami Buddha yang terkenal.
 - ii) forum agama yang mana ahli-ahli panelnya juga terdiri dari personaliti-personaliti Buddhis yang terkenal.
 - iii) 'An Evening with the Wayfarers' - semalam bersama kumpulan penyanyi lagu-lagu Buddhis yang popular dan unggul di negara ini, dan
 - iv) 'Mass Meditation' - latihan bermeditasi secara beramai-ramai untuk keamanan dan kebahagian dunia.
- b) Seksi Penerbitan dan Publisiti

Seksi ini bertanggungjawab membuat pengumuman-

pengumuman kepada ahli-ahli terutamanya selepas puja hari Ahad kerana pada masa ini terdapat paling ramai ahli. Seksi ini akan memberitahu aktiviti-aktiviti yang akan diadakan serta perkembangan semasa persatuan ini. Seksi ini juga membuat poster-poster dan risalah-risalah untuk diletakkan pada papan tanda maupun diedarkan kepada ahli-ahli. Akhir sekali bahagian ini bertanggungjawab menerbitkan majalah tahunan SKEDS iaitu 'Bliss' yang akan mengandungi segala aktiviti-aktiviti yang telah dikelolakan oleh persatuan ini sepanjang tahun.

c) Seksi Dapur

Seksi ini bertanggungjawab menyediakan makanan ringan untuk ahli-ahli selepas mereka menghadiri kelas-kelas Dhamma pada hari Ahad. Bagaimanapun makanan ringan ini biasanya disponsori oleh ahli-ahli persatuan yang bermurah hati. Selain itu pada masa-masa adanya aktiviti-aktiviti khas seperti majlis perpisahan, majlis perkhawinan, kursus-kursus maupun lawatan dari persatuan-persatuan Buddhis yang lain, seksi ini akan menyediakan juga jamuan ringan maupun sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam, jika perlu.

d) Seksi Kerohanian dan Keagamaan (religious department)

Seksi ini bertanggungjawab menyediakan keperluan-keperluan dan mengendalikan sekali 'puja' (upacara sembahyang) pada tiap-tiap malam Rabu, Sabtu dan pagi Ahad. Di samping itu puja juga diadakan pada malam tiap-tiap hari pertama dan hari kelimabelas dalam kalendar Cina (new moon and full moon). Selain itu seksi ini juga mengendalikan upacara-upacara sembahyang untuk perkahwinan, kematian dan 'house warming'. Seperkara lagi bahagian ini melihat juga kepada kebajikan 'resident monk' dan sami-sami lain yang datang melawat.

e) Seksi Pendidikan

Seksi ini menyediakan kelas-kelas bimbingan percuma kepada ahli-ahli SKEDS yang masih di bangku sekolah lagi. Bagaimanapun prioriti akan diberikan kepada mereka yang kerap menghadiri kelas-kelas Dhamma sahaja. Biasanya kelas-kelas ini adalah untuk mereka dalam Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima. Mata-mata pelajaran yang biasanya diajar pula adalah Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik.

f) Seksi Rekreasi

Seksi ini menyediakan kemudahan permainan-

permainan 'indoor' maupun 'outdoor' untuk ahli-ahlinya di sebelah petang. Misalnya, terdapat permainan-permainan seperti ping-pong, karom, catur maupun lain-lain permainan papan. Sekali-sekala seksi ini cuba menempah padang sekolah (terdapat sebuah sekolah menengah di sebelah persatuan ini) untuk permainan seperti bola sepak, bola tampar dan 'telematch'. Dari masa ke semasa juga, seksi ini akan mengelolakan pertandingan-pertandingan untuk ahli-ahli persatuan. Di samping itu, segala perjumpaan dan aktiviti sosial juga dilaksanakan oleh seksi rekreasi ini.

g) Seksi Perpustakaan

Perpustakaan Ananda Mangala baru sahaja dibuka pada tahun 1986 sempena dengan siapnya bangunan 4 tingkat. Nama Ananda Mangala ini diambil kerana mengenangi jasa Mendiang Venerable Ananda Mangala yang merupakan 'resident monk' persatuan ini yang pertama. Perpustakaan ini dibuka kepada semua ahli persatuan dan ianya sangat popular di kalangan para pelajar. Perpustakaan ini mengandungi buku-buku agama, buku-buku sekolah, buku-buku cerita, majalah, suratkhabar, kaset-kaset agama dan lain-lain lagi. Memandangkan perpustakaan ini sangat popular di kalangan belia-belia persatuan ini yang masih

bersekolah, ianya dihadkan kepada mereka yang aktif menghadiri kelas-kelas Dhamma maupun menyertai aktiviti-aktiviti lain sahaja.

h) Seksi 'Maintenance'

Seksi ini bertanggungjawab menjaga kebersihan sekeliling persatuan ini. Bagaimanapun mereka yang memegang jawatan ini tidak pula dianggap sebagai seorang 'caretaker'! Malah kerja mereka dianggap murni sebab dilakukan secara sukarela dan tanpa kepentingan diri sendiri. Tugas-tugas seksi ini termasuklah menyapu dan mencuci kawasan perkarangan pokok Bodhi, memotong rumput, mengilapkan tempat-tempat bara bila ada upacara-upacara khas serta menanam dan menyiram pokok-pokok bunga. Seperkara lagi seksi ini juga akan mengaturkan kerusi-kerusi dan menyediakan tempat untuk apa-apa saja aktiviti yang akan dijalankan serta dengan mengemaskannya kembali.

i) Seksi 'Public Relations'

Tugas seksi ini adalah untuk melayan ahli-ahli yang baru serta memperkenalkan kepada mereka persekitaran dan aktiviti-aktiviti persatuan. Di samping itu, seksi ini membantu ahli-ahli lain yang

mempunyai keraguan dan masalah tentang pentadbiran dan aktiviti SKEDS. Selain itu seksi ini juga sentiasa menolong menjayakan aktiviti-aktiviti lain. Satu tanggungjawab nya yang lain ialah untuk menyambut para tetamu dari persatuan-persatuan lain yang datang melawat persatuan ini.

4.3 KEAHLIAN

Menurut 'Rules and Bye-Laws of Seck Kia Eenh', keahlian adalah terbuka kepada sesiapa sahaja yang beragama Buddha tanpa mengira jantina maupun kewarganegaraan. Bagaimanapun, seseorang itu boleh memilih sama ada untuk menjadi ahli kepada Persatuan Seck Kia Eenh atau Seck Kia Eenh Dhamma School. Perbezaannya ialah seseorang itu perlu berumur lebih dari 21 tahun untuk menjadi ahli SKE manakala untuk SKEDS, umur melebihi 4 tahun sudah memadai. Yuran keahlian untuk SKE adalah:

- i) \$5 untuk ahli biasa
- ii) \$50 untuk ahli seumur hidup

Yuran keahlian untuk SKEDS pula adalah:

- i) \$2 untuk ahli biasa

Walaupun terdapat SKE dan SKEDS, tetapi ahli-ahli dari kedua-dua badan ini boleh saling menyertai aktiviti-

aktiviti yang dikelolakan. Jadi, aktiviti-aktiviti SKEDS boleh disertai oleh ahli-ahli SKE dan sebaliknya pula. Cuma satu kelebihan menjadi ahli SKE adalah seseorang itu berhak mengundi dalam mesyuarat agung persatuan ini untuk memilih ahli jawatankuasa induk yang akan mentadbir keseluruhan persatuan ini nanti. (Mesyuarat agung SKE diadakan 2 tahun sekali.)

Seseorang yang telah diterima menjadi ahli kepada sama ada SKE maupun SKEDS berhak menggunakan semua kemudahan yang terdapat di persatuan dengan syarat beliau sentiasa mengikuti peraturan-peraturan yang terdapat.

4.4 Kewangan

Pendapatan dan perbelanjaan keseluruhan persatuan ini diuruskan oleh Bendahari Jawatankuasa Induk dengan bantuan dua orang juru-udit. Pendapatan utama persatuan ini secara amnya adalah derma-derma yang dikutip dari tabung-tabung derma, yuran keahlian, yuran perkhidmatan 'reliquarium', perayaan Hari Wesak dan Tadika SKE. Perbelanjaraan utamanya pula amnya ialah pembiayaan untuk aktiviti-aktiviti atau projek-projek yang dilaksanakan, yuran elektrik, air dan telefon, perbelanjaan untuk Tadika SKE, perayaan Wesak dan 'maintenance' untuk persatuan ini. (Sila lihat Lampiran 3 untuk meneliti akaun pendapatan dan

BAB 5

AKTIVITI-AKTIVITI SEMASA PERSATUAN BUDDHIS SECK KIA EENH YANG UTAMA

Aktiviti-aktiviti persatuan ini boleh dibahagikan kepada aktiviti-aktiviti yang dikelolakan oleh Seck Kia Eenh dan aktiviti-aktiviti yang dikelolakan oleh Seck Kia Eenh Dhamma School.

5.1 AKTIVITI-AKTIVITI SECK KIA EENH

5.1.1 Perayaan Hari Wesak

Ini merupakan perayaan tahunan yang utama untuk persatuan ini dan ianya dijalankan dengan skel besar-besaran iaitu dengan mengadakan perarakan (float procession) mengelilingi bandar. Untuk perayaan ini, satu jawatankuasa ad-hoc yang terdiri dari kebanyakannya ahli-ahli jawatankuasa induk dan ahli-ahli SKE ditubuhkan. Namun demikian terdapat juga sebilangan kecil ahli-ahli SKEDS yang menganggotai jawatankuasa tersebut. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab menyenaraikan aturcara untuk meraikan perayaan tersebut serta mendapatkan permit untuk perarakan.

Perarakan ini dijalankan pada waktu malam, sehari sebelum Hari Wesak. Di antara peserta-peserta yang mengambil bahagian adalah ahli-ahli SKE yang akan membuat 'main float' (lihat Lampiran 2, gambar (xvi)), ahli-ahli SKEDS, Tadika SKE, Young Buddhist Association of Malaysia cawangan Melaka, persatuan-persatuan Buddhis lain di Melaka dan juga persatuan-persatuan Buddhis sekolah-sekolah. Semua persatuan ini juga dikehendaki menyediakan 'float' yang sesuai untuk diperarakkan. Selain itu terdapat juga pancaragam, kanak-kanak yang mengambil bunga dan 'incense', pengangkat bendera dan diikuti dengan pengikut-pengikut dan ahli-ahli persatuan yang lain.

Pada malam Hari Wesak pula, perarakan lilin (candlelight procession) diadakan di perkarangan persatuan ini. Cuma satu 'float' yang kecil sahaja iaitu 'relic float' diperarakkan. Program-program yang lain termasuklah pemberian hadiah-hadiah kepada yang miskin dan kurang bernasib baik, upacara-upacara sembahyang yang melibatkan perlafazan banyak sutra dan paritta (protective chanting) dan juga memberi makanan percuma kepada umat Buddhis (devotees) yang datang untuk sembahyang. Selain itu terdapat juga pertandingan-

pertandingan yang dikelolakan oleh SKEDS. Ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi di bawah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh SKEDS nanti.

5.1.2 'House Blessing' untuk Tahun Baru Cina

Ini merupakan satu projek di mana persatuan ini memberi perkhidmatan kerohanian kepada ahli-ahlinya. Pihak persatuan terlebih dahulu akan menghantar surat kepada ahli-ahli SKE dan jika sesiapa di antara mereka yang berminat boleh menghubungi persatuan ini untuk membuat permohonan 'House Blessing' ini diadakan pada hari kedua Tahun Baru Cina dan adalah percuma. Sepasukan ahli-ahli SKEDS akan pergi ke rumah-rumah yang telah bermohon untuk bersebahyang supaya seluruh isi-rumah tersebut mendapat pahala dan kebahagian di samping bermesra di hari yang bahagia itu. Bagaimanapun, surat-surat pemberitahuan tentang aktiviti ini hanya ditujukan kepada ahli-ahli SKE sahaja. Ini bukan bermaksud diskriminasi tetapi cuma anggapan yang sebahagian besar ahli-ahli SKEDS belum berumahtangga lagi. Lagipun, ahli-ahli SKEDS boleh juga membuat permohonan tersebut bagi pihak ibubapa mereka yang bukan ahli SKE.

5.1.3 All-Night Chanting

Ini merupakan upacara sembahyang yang diadakan semalam untuk memberi pahala dan kebahagian kepada raja dan negara, ahli-ahli persatuan, semua yang hadir dalam upacara itu dan juga kepada semua makhluk di alam ini. Upacara ini diadakan setahun sekali dan biasanya bermula pada pukul 8 malam dan berakhir pada pukul 6 pagi keesokan harinya. Upacara ini merupakan lebih daripada hanya upacara sembahyang yang biasa kerana banyak sutra dan paritta dilafazkan berulang-ulang kali. Peserta-peserta upacara ini terdiri dari ramai sami Buddha yang dijemput khas untuk majlis ini dan juga beberapa orang para belia persatuan ini. (Lihat Lampiran 2, gambar (xvii) dan (xviii).) Ahli-ahli yang hadir digalakkan berpakaian putih untuk benar-benar menggambarkan kesucian upacara ini. Semasa upacara ini dijalankan ahli-ahli dan para penganut agama Buddha (devotees) yang hadir boleh sama ada mengikuti sembahyang, mendengar sahaja maupun tidur di dalam 'shrine hall' sekalipun jika berasa letih maupun mengantuk.

5.1.4 Vegetarian Dinner

Makan malam sayur-sayuran ini juga diadakan setahun sekali sahaja. Ianya sengaja diadakan sempena memperingati hari lahir Bodhisattva Kwan Yin. (Bodhisattva Kwan Yin ini sangat popular dalam mazhab Mahayana kerana mempunyai nilai 'compassion' yang begitu tinggi sekali sehingga ia sanggup mengabdiakan dirinya di dalam dunia kesengsaraan ini untuk menolong makhluk-makhluk yang menderita.) Makan malam ini tidak diadakan di dalam persatuan ini kerana tidak boleh menampung bilangan meja makan yang begitu banyak. Jadi persatuan ini akan menyewa sebuah dewan umum untuk aktiviti ini. Kad-kad akan dijual untuk makan malam tersebut kepada ahli-ahli maupun masyarakat umum.

5.1.5 Upacara Sembahyang di 'SKE Reliquarium'

Upacara ini diadakan untuk memperingati mereka-mereka yang telah meninggal dunia. Ianya diadakan 3 kali dalam setahun mengikut tarikh-tarikh yang sesuai di dalam kalendar Cina. Untuk upacara ini, pihak persatuan akan membeli buah-buahan dan menyediakan lauk-pauk sayur-sayuran untuk disembahyangkan. Upacara sembahyang khas

juga akan diadakan tetapi ianya menurut konsep agama Buddha dan tidak terdapat aktiviti-aktiviti seperti membakar kertas. Upacara ini diadakan di kawasan Reliquarium pada waktu malam.

5.2 AKTIVITI-AKTIVITI SECK KIA EENH DHAMMA SCHOOL

5.2.1 Kemah Kerja Cuti (Holiday Work Camp)

Kemah Kerja Cuti ini adalah aktiviti tahunan SKEDS yang utama. Ia merupakan aktiviti yang diadakan pada penghujung tiap-tiap tahun sempena cuti penggal sekolah yang panjang. Yang demikian, ini membolehkan para belia khususnya yang masih bersekolah untuk menyertai aktiviti tersebut. Malah Kemah Kerja Cuti inilah yang merupakan satu-satunya aktiviti persatuan ini yang benar-benar dapat menarik minat ramai ahli-ahli baru untuk menyertai SKEDS. Penyertaan adalah terbuka kepada ahli-ahli dari SKEDS dan juga beberapa persatuan Buddhis dari luar maupun dari Maktab-maktab perguruan. Bagaimanapun, jemputan ini tertakluk kepada pemilihan jawatankuasa Kemah Kerja Cuti ini.

Program ini adalah selama seminggu dan para peserta digalakkan seboleh-bolehnya untuk tinggal di persatuan ini untuk keseluruhan satu minggu itu.

Mereka kemudiannya akan dibahagikan kepada dua ataupun tiga buah rumah bergantung kepada bilangan peserta yang ada. Biasanya SKEDS mempunyai penyertaan seramai 100-120 orang. Apa yang membuat Kemah Kerja ini sangat menarik adalah kebanyakan aktiviti yang dijalankan merupakan pertandingan antara rumah-rumah and markah akan diberikan. Antara aktiviti-aktiviti yang berbentuk pertandingan adalah kuiz Buddhis, malam bakat, 'telematch', peraduan mencerita cerita-cerita Buddhis, debat Buddhis, 'oratorical contest', 'fancy dress', sukan dan persembahan-persembahan untuk malam unggul api. Aktiviti-aktiviti yang bukan merupakan pertandingan pula adalah seperti ceramah-ceramah dan perbincangan-perbincangan agama, bergotong-royong dan upacara sembahyang harian (daily service).

Sebenarnya Kemah Kerja Cuti ini bertujuan mencari dan memupuk bakat seseorang itu dan membina daya kepimpinannya. Adalah diharapkan melalui pertandingan-pertandingan yang sihat ini, tema Kemah Kerja Cuti ini iaitu memupuk semangat setiakawan, bekerjasama dan disiplin akan tercapai.

5.2.2 Perayaan Hari Wesak

SKEDS juga memainkan peranan yang penting di dalam perayaan ini. Selain daripada menyediakan sebuah 'float' untuk perarakan, SKEDS juga mengendalikan beberapa program untuk memeriahkan lagi perayaan Hari Wesak. Ini adalah seperti mengadakan peraduan menyanyi lagu-lagu Buddhis, peraduan lukisan, peraduan mengambil gambar dan 'oratorical contest'. Peraduan-peraduan tersebut adalah terbuka kepada ahli-ahli SKEDS dan juga persatuan-persatuan Buddhis sekolah. Pusingan-pusingan awal pertandingan ini diadakan seminggu sebelum Hari Wesak dan peringkat akhirnya sahaja diadakan pada Hari Wesak. Selain itu, SKEDS juga menyediakan pameran-pameran dan expo-expo Buddhis.

5.2.3 Seminar, Kursus Latihan dan Kepimpinan

maupun 'Retreat'

Sama ada SKEDS akan mengadakan seminar atau kursus latihan dan kepimpinan maupun 'retreat' bergantung kepada jawatankuasa SKEDS dan ahli-ahlinya yang berkaliber yang ada pada satu-satu masa itu. Tetapi, yang pasti adalah sekurang-kurangnya satu daripada ketiga-tiga aktiviti yang telah disebutkan itu dikelolakan. Biasanya selain

daripada bergantung hanya kepada ahli-ahlinya yang berpengalaman, tokoh-tokoh dari persatuan-persatuan Buddhis yang lain ada juga dijemput untuk membantu.

Seminar lebih merupakan kepada konsep berbengkel, berbincang, mendengar ceramah dan membentang kertas-kertas kerja. Tanya bertujuan untuk memperdalamkan pengetahuan seseorang mengenai agama Buddha.

Kursus Latihan dan Kepimpinan pula lebih merupakan latihan yang diberikan khususnya kepada pemimpin-pemimpin persatuan Buddhis di sekolah-sekolah tentang bagaimana hendak menjadi seorang pemimpin yang dinamis dan dihormati. Ia juga melibatkan banyak sesi melihat kelemahan diri serta memperteguhkan personaliti seseorang. Antara aktiviti-aktiviti kursus ini termasuklah 'brain-storming session', ceramah-ceramah dan sesi-sesi dinamik.

'Retreat' pula merupakan satu aktiviti di mana para peserta dikehendaki mengambil '8 Precepts' dan melalui satu program selama empat atau lima hari. Program ini bertujuan bagi membolehkan seseorang itu mengalami nikmat spiritual. Di antara aktiviti-aktiviti 'retreat'

ini adalah meditasi, ceramah-ceramah dan perbincangan-perbincangan Dhamma serta upacara-upacara sembahyang.

5.2.4 Perjumpaan-perjumpaan Sosial

Ini merupakan sejenis aktiviti yang bertujuan menggalakkan 'fellowship' di antara ahli-ahli persatuan dan juga dengan ahli-ahli persatuan Buddhis sekolah. Perjumpaan-perjumpaan ini biasanya diadakan sempena hari-hari khas dalam kalendar Cina seperti 'Mooncake Festival' dan "Kueh Chang Day" maupun meraikan hari kelahiran ahli-ahli persatuan. Lazimnya satu jamuan kecil akan disediakan dan interaksi sosial berbentuk nyanyian bersama-sama dan persempahan-persempahan mudah diadakan. Perjumpaan-perjumpaan ini kadang-kadang juga diadakan bila terdapat lawatan persatuan-persatuan Buddhis dari luar.

5.2.5 Lawatan-lawatan

Ini merupakan satu aktiviti yang juga bertujuan menggalakkan 'fellowship' di antara ahli-ahli persatuan (khususnya dari berbagai-bagai kelas Dhamma) dan juga dengan ahli-ahli persatuan Buddhis yang lain. Lawatan-lawatan ini bukan sahaja terhad

kepada melawat persatuan-persatuan Buddhis sahaja malah ianya termasuk juga perkelahan dan melancang. Biasanya di dalam lawatan-lawatan seperti ini, seseorang itu akan dapat bertukar-tukar fikiran dengan orang lain di dalam situasi yang lebih menyenang dan menyeronokkan.

5.2.6 Kelas-kelas Dhamma

Kelas-kelas Dhamma (mengajar ajaran agama Buddha) diadakan tiap-tiap hari Ahad untuk ahli-ahlinya. Kelas-kelas tersebut pula dibahagikan mengikut tahap pengetahuan seseorang itu mengenai agama Buddha dan juga mengikut peringkat umur.

5.2.7 Upacara-upacara Sembahyang (Service)

Upacara-upacara sembahyang atau puja diadakan pada tiap-tiap malam Rabu dan Sabtu di kawasan perkarangan pokok Bodhi. Puja juga diadakan pada waktu pagi tiap-tiap hari Ahad. Selain itu pada masa-masa 'full moon and new moon', puja khas akan diadakan pada waktu malam di kawasan perkarangan pokok Bodhi. Upacara-upacara sembahyang ini melibatkan perlafazan sutra-sutra dalam bahasa Pali (mengikut mazhab Theravada). Cuma pada hari-hari Ahad dan 'full moon and new moon' sahaja nyanyian

lagu-lagu Buddhis diturutsertakan.

5.2.8 Konsert Penghujung Tahun

Ini merupakan aktiviti yang akan disertai oleh semua kelas Dhamma bagi mengakhiri satu-satu tahun itu. Tiap-tiap kelas dimestikan mempersesembahkan item dan dengan yang demikian, konsert ini lebih merupakan satu konsert keluarga kerana terdapat yang teramat muda dan juga yang tua melibatkan diri menjayakan konsert tersebut. Pada masa yang sama, penyampaian hadiah untuk penuntut-penuntut kelas-kelas Dhamma yang cemerlang juga diadakan. (Lihat Lampiran 2, gambar (xx).)

Kebanyakan aktiviti yang telah dinyatakan tadi hanya merupakan aktiviti-aktiviti semasa SKE dan SKEDS yang utama sahaja. Perlu diketahui terdapat banyak lagi aktiviti yang dijalankan secara spontan apabila dirasai perlu dan sesuai mengikut peredaran masa. Misalnya, SKEDS pada tahun ini telah mengadakan juga ceramah-ceramah umum oleh tokoh-tokoh Buddhis yang terkenal, meditasi beramai-ramai untuk keamanan dunia, forum Buddhis, sepetang bersama penyanyi-penyanyi lagu-lagu Buddhis iaitu 'Wayfarers' dan banyak lagi apabila situasi membenarkan.

Sebenarnya, pembahagian aktiviti-aktiviti kepada aktiviti-aktiviti SKE dan SKEDS adalah berdasarkan faktor kewangan dan faktor birokrasi semata-mata. Yang demikian, oleh kerana SKEDS bukan satu organisasi yang didaftarkan, aktiviti-aktiviti yang menelan belanja yang besar dan yang terpaksa melalui birokrasi kerajaan yang banyak, dikelolakan sahaja oleh SKE. Bagaimanapun, satu tanda yang sihat adalah baik apa sahaja aktiviti yang dijalankan, ianya dijayakan dan disertai oleh ahli-ahli dari kedua-dua badan tanpa apa-apa halangan dan diskriminasi.

**Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya**

BEBERAPA ASPEK EKONOMI, POLITIK DAN SOSIAL MASYARAKAT BUDDHIS PERSATUAN SECK KIA EENH

6.1 POPULASI

Kalau dilihat dari aspek populasi persatuan Seck Kia Eenh pada zaman awalnya, adalah didapati persatuan ini terdiri dari hampir seratus peratus orang-orang berbangsa Peranakan (Baba dan Nyonya).¹ Ini tidak menghairankan pengkaji sebab kesemua pengasasnya sendiri terdiri dari orang-orang kaum Peranakan. Jadi, golongan ini mungkin telah sama ada secara langsung atau tidak langsung menggalakkan pengambilan ahli-ahli baru dari kalangan saudara-mara maupun kawan-kawan sekaum dengan mereka sahaja. Satu kemungkinan lagi, memandangkan dominasi populasi ketika itu terdiri dari kaum Peranakan, masyarakat Cina telah membentuk anggapan bahawa persatuan ini lebih merupakan satu persatuan kaum Peranakan semata-mata daripada satu persatuan agama. Lagipun kesusahan berkomunikasi dengan golongan dominasi ini (ramai kaum Peranakan tidak tahu bertutur bahasa Cina) menyebabkan

1. Temuduga dengan Encik Tan Tiang Cheng iaitu salah seorang ahli persatuan ini pada zaman awal dan kini merupakan salah seorang pemegang amanah persatuan ini. (Rekod-rekod keahlian zaman awal diperolehi.)
tidak

terdapat sangat sedikitnya komuniti Cina di persatuan ini pada zaman awalnya.

Apakala persatuan ini sudah mendapat tempat yang tetap yakni di Jalan Gajah Berang, ahli-ahlinya mula bertambah ramai. Namun, golongan yang dominasi masih lagi orang-orang kaum Peranakan. Bertambah ramainya kaum ini selain dari sebab ingin beribadat, adalah juga kerana persatuan ini telah menjadi suatu macam tempat berkumpul untuk orang-orang kaum Peranakan. Kadang-kadang persatuan ini telah digunakan sebagai tempat untuk bertemu dan berinteraksi lebih daripada beribadat. Tidak hairanlah, persatuan ini ketika itu dikenali sebagai 'Baba Temple' oleh masyarakat Melaka. Akan tetapi, persatuan ini tidak pernah menghadkan ahli-ahlinya mengikut bangsa. Malah keahlian adalah terbuka kepada semua orang yang beragama Buddha.

Kini, masyarakat Melaka sudah tidak menganggap persatuan ini sebagai 'Baba Temple' lagi. Sebab yang paling jelas adalah persatuan ini sudah mempunyai bilangan ahli-ahli berbangsa Cina yang hampir sama dengan ahli-ahli berbangsa Peranakan.² Bagaimanapun secara amnya, terdapat

2. Temuduga dengan beberapa orang ahli jawatankuasa induk. Ini adalah kerana rekod-rekod keahlian tidak menunjukkan jelas tentang faktor kaum.

peningkatan bilangan ahli-ahli persatuan ini dari tahun ke tahun (cuma pada 1982 sahaja).

Jadual 1

Tahun	1976	1977	1978	1979	1980	1981	1982
Bilangan Ahli-ahli	253	299	344	382	408	496	496

Tahun	1983	1984	1985	1986	1987
Bilangan Ahli-ahli	519	576	615	671	767

sumber: rekod keahlian SKE*

6.2 SOKONGAN KEWANGAN

Sebenarnya penyertaan masyarakat Cina ke dalam persatuan ini kini dialu-alukan oleh pihak jawatankuasa induk. Ini adalah kerana dirasakan perlu untuk mendapat sokongan kewangan komuniti Cina demi memperteguhkan kedudukan kewangan persatuan ini. Malah, penaung-penaung persatuan ini kini terdiri dari tokoh-tokoh peniaga berbangsa Cina yang kaya-raya. Faktor terpenting terdapatnya mereka ini sebagai penaung-penaung adalah kerana usaha Presiden persatuan ini kini, i.e. Encik Chan

* Rekod keahlian untuk tahun sebelum 1976 tidak diperolehi.

Kim Lay. Walaupun berbangsa Peranakan, beliau boleh bertutur bahasa Mandarin, loghat Cantonese dan loghat Hokkien. Ini sudah tentu membolehkannya sampai (reach) kepada masyarakat Cina. Lagipun beliau mempunyai hubungan dengan tokoh-tokoh peniaga tersebut melalui penyertaannya dalam persatuan-persatuan lain. Boleh dikatakan juga, masyarakat Cina hanya mula menyertai persatuan ini dengan ramainya apabila Encik Chan Kim Lay mula mentadbir persatuan ini. Sokongan kewangan masyarakat Cina ini diperlukan kerana sokongan kewangan dari masyarakat Peranakan semakin berkurangan. Ini adalah kerana ramai di antara mereka bukannya kaya-raya dan walaupun segelintir yang amat kaya, mereka ini kurang bermurah hati. Lagipun rata-rata ahli persatuan ini cuma bekerja sebagai kakitangan kerajaan dan dengan pihak bank sahaja. Hanya segelintir sahaja yang berpekerjaan profesional. Itupun mereka jarang tampil memberi bantuan kewangan.

6.3 KUASA

Walaupun kini sudah terdapat ramai orang berbangsa Cina di persatuan ini, tetapi hampir semua ahli jawatankuasa induk masih lagi terdiri dari kaum Peranakan. Malah sejak 1920 lagi hingga kini, jentera pentadbiran persatuan ini dikuasai oleh orang-orang berbangsa Peranakan. Bagaimanapun, tidak terdapat diskriminasi kaum di persatuan ini. Encik Teh Gek Seng, salah seorang ahli

jawatankuasa induk yang berbangsa Cina apabila ditemuduga oleh pengkaji, menerangkan keputusan-keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa induk adalah tidak bias dan tidak prejudis. Beliau sendiri tidak berasa dirinya ditindas atau dikongkong oleh ahli-ahli jawatankuasa induk lain yang berbangsa Peranakan.

Jadi, apa yang jelas di sini adalah, kini sudahpun terdapat pertambahan ahli-ahli berbangsa Cina dengan ramainya. Cuma golongan ini merupakan ahli-ahli biasa sahaja. Pengaruh mereka di dalam jentera pentadbiran dan hal-ehwal persatuan belum jelas kelihatan lagi.

6.4 BAHASA KOMUNIKASI

Pada zaman awal persatuan ini, memandangkan kesemua pengasas maupun ahli-ahlinya berpendidikan Inggeris, bahasa pengantar untuk aktiviti-aktiviti persatuan ini adalah bahasa Inggeris. Bahasa komunikasi di kalangan ahli-ahli pula adalah bahasa Inggeris tetapi yang lebih kerap lagi digunakan ialah bahasa 'Baba Malay' (bahasa yang digunakan oleh kaum Peranakan). Kini pula, bahasa komunikasi yang meluas di kalangan ahli-ahinya termasuk juga bahasa Mandarin dan loghat Hokkien. Ini tidak boleh dipertikaikan sebab persatuan ini sudah pun terdapat ramai ahli berbangsa Cina . Namun demikian, bahasa rasmi adalah masih bahasa Inggeris.

Pengkaji mendapati, satu fenomena yang menonjol adalah penggunaan bahasa 'Baba Malay' masih kuat lagi sebagai bahasa interaksi hari-harian. Ini memandangkan terdapat satu golongan ahli-ahli lama berbangsa Peranakan yang berpengaruh dan aktif di persatuan ini. Oleh yang demikian, ahli-ahli baru berbangsa Cina terpaksa juga berkomunikasi dengan golongan tersebut dengan menggunakan bahasa 'Baba Malay'. Lagipun bahasa tersebut lebih mudah untuk ahli-ahli baru ini kerana para belia kini yang berpendidikan Melayu dan Cina mendapati sukar untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. Jadi apa yang berlaku adalah asimilasi masyarakat Cina ini dari segi bahasa. Memandangkan ini, adalah tidak menghairankan jika seseorang pelawat ke persatuan ini, mendapati belia-belia Cina bertutur dalam bahasa 'Baba Malay'! Malah, di kalangan ahli-ahli Cina yang sudah lama di persatuan ini, mereka didapati boleh bertutur bahasa 'Baba Malay' dengan fasihnya.

6.5 'CORE GROUP' DAN ORGANISASI KERJA

Dari apa yang dapat dilihat oleh pengkaji, sekumpulan ahli-ahli lama* yang aktif membentuk satu 'core group' dalam masyarakat SKE. Kebanyakan mereka ini

* mereka yang telah menjadi ahli dalam lingkungan 5 tahun dan lebih.

merupakan belia-belia berbangsa Peranakan. Turut termasuk dalam 'core group' ini juga adalah sebilangan ahli-ahli berbangsa Cina yang rapat hubungan mereka dengan belia-belia Peranakan tersebut dan yang boleh bertutur bahasa 'Baba Malay' dengan amat baik.

'Core group' ini boleh dikatakan merupakan semacam tulang belakang untuk persatuan ini. Ini adalah kerana kumpulan ini bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung menjayakan kebanyakan aktiviti persatuan ini. Adalah sungguh mengagumkan kerana 'core group' ini dengan sukarelanya akan mengemasukan tempat-tempat berselerak, membasuh kawasan yang kotor, membersihkan persekitaran persatuan dan masa ke semasa, mengilapkan 'urns' dan 'candle stands' bila perlu, memotong rumput, mengecat bangunan, kerusi serta meja dan banyak kerja yang lain. 'Core group' ini juga didapati membantu di dapur. Malah ada di antara mereka memasak untuk menyediakan jamuan-jamuan. Selain itu kumpulan ini juga menyusun kerusi meja dan menyediakan sistem suara untuk ceramah-ceramah maupun perjumpaan-perjumpaan.

Satu ciri nyata 'core group' ini ialah semua ahlinya terdiri dari kaum lelaki sahaja. Tidak diketahui pula sebabnya sedemikian! Satu ciri lainnya yang nyata ialah di kalangan ahli-ahli 'core group' ini, mereka mempunyai

kemahiran-kemahiran tertentu misalnya kemahiran di bidang elektrik dan elektronik, pertukangan besi dan kayu, pembuatan paip-paip air, kraftangan dan lain-lain lagi. Tidak hairanlah tenaga golongan ini selalu digunakan bila timbul keperluan-keperluan seperti membaiki kerusi, meja, paip air, memasang serta membaiki alat-alat elektrik, membuat bermacam-macam 'props' untuk pertunjukan-pertunjukan dan lain-lain lagi. Dalam perayaan Wesak persatuan ini yang semakin lama semakin besar dan meriah perarakannya, tenaga kumpulan ini ternyata disambut dengan baik. Di dalam kebanyakan hal, persatuan ini cuma perlu membeli bahan-bahan sahaja dan ahli-ahli 'core group' inilah yang akan membuatnya. Satu contoh yang baik ialah pembinaan 'metal shade' untuk memberi teduh semasa melakukan kerja-kerja. (Lihat Lampiran 2, gambar (viii).) Bagaimanapun, ianya tidak termasuk membuat kerja-kerja berat seperti membina bangunan!!

Kewujudan 'core group' ini adalah secara tidak rasmi. Tidak diketahui tentang kewujudannya serta mengapa dan bagaimana ianya dapat menarik sekumpulan golongan belia untuk menawarkan diri mereka untuk berkhidmat secara sukarela. Bila disoalkan mengapa mereka sanggup sedemikian, mereka akan mengatakan sama ada telah lama berada di persatuan ini dan yang demikian sayangkan tempat ini ataupun berasa nikmat berkhidmat (joy of giving

service) semata-mata. Bagaimanapun, apa yang diketahui dengan jelas adalah hanya 'core group' ini dipimpin oleh Encik Seet Peng Leong yang merupakan salah seorang ahli jawatankuasa induk. Pada pendapat pengkaji, 'core group' ini terdiri dari sekumpulan orang yang sungguh 'selfless'.

Perkhidmatan dan dedikasi yang ditunjukkan oleh 'core group' ini kini dapat memberansangkan ahli-ahli persatuan yang lain juga. Ramai ahli lebih rela tampil untuk menawarkan khidmat dan kebolehan-kebolehan mereka demi kemajuan dan kejayaan persatuan. Ini dapat dilihat bila persediaan untuk satu-satu projek atau aktiviti itu dijalankan. Memandangkan jasa dan khidmat yang telah diberikan oleh 'core group' ini, kumpulan ini kerap mendapat pujian dan sokongan pihak jawatankuasa induk. Tindak-tanduk mereka dipercayai dan biasanya diiktiraf. Pendek kata, 'core group' ini boleh dikatakan berpengaruh kuat di dalam persatuan ini.

6.6 SIKAP TERHADAP AGAMA

Satu kelemahan jelas 'core group' ini ialah kumpulan ini tidak menonjol langsung di bidang keagamaan. Ramai di antara mereka tidak begitu berminat dan kurang mengendalikan hal-hal agama. Mereka ini cuma menghadiri upacara-upacara sembahyang sahaja. Aktiviti-aktiviti agama yang lain seperti seminar dan bengkel agama,

ceramah-ceramah dan kelas-kelas agama pada hari Ahad jarang-jarang sekali disertai. Malah, sebahagian besar ahli-ahli jawatankuasa induk sendiripun didapati tidak mengikuti kelas-kelas agama, ceramah-ceramah dan aktiviti-aktiviti agama yang lain.

Yang demikian, pengurusan aktiviti-aktiviti agama (kecuali upacara-upacara sembahyang) biasanya dikendalikan oleh ahli-ahli 'baru'* yang bukan dari 'core group'. Mereka ini walaupun 'baru' tetapi menunjukkan kecenderungan tinggi terhadap aspek keagamaan. Memandangkan, 'core group' ini tidak dapat mengelolakan aktiviti-aktiviti agama, jawatankuasa induk semacam terpaksa pula memberi kepercayaan kepada golongan tersebut untuk mengendalikan program-program agama. Memandangkan ahli-ahli golongan ini bukan dari 'core group', tindak-tanduk mereka kerap diperhatikan takut-takut mereka ini menyebarkan ideologi salah yang nanti akan menggugat status quo persatuan ini. Bagaimanapun, hingga kemasakini, belum ada kes-kes tersebut maupun pembuangan ahli-ahli 'baru' ini.

Pengkaji juga ingin menarik perhatian pembaca tentang golongan majoriti dalam populasi masyarakat SKE.

* telah menjadi ahli kurang dari 5 tahun

Memandangkan SKE popular di kalangan belia-belia muda (yang masih bersekolah), mereka ini kurang cenderung ke arah program-program agama. Malah sebab utama mereka ke persatuan ini ialah kerana tertarik dengan kemudahan-kemudahan yang ada, kawan-kawan, rekreasi, kelas-kelas bimbingan dan aktiviti-aktiviti sosialnya sahaja. Keadaan ini jelas sebab apabila sesuatu aktiviti sosial dijalankan, kehadiran amatlah memuaskan tetapi apabila program keagamaan dikendalikan, kehadirannya adalah disebaliknya pula. Hal inilah yang menyebabkan SKE selalu dilontar kritikan yang ianya lebih merupakan sebuah pusat sosial daripada sebuah pusat agama.

6.7 KONFLIK DALAMAN

Memandangkan situasi sedemikian, pada suatu ketika dahulu, wujud dua buah puak di persatuan ini. Satu puak terdiri dari 'core group' dan puak yang satu lagi terdiri dari ahli-ahli 'baru' yang mengendalikan program agama. Masalah berpuak-puak ini telah wujud memandangkan 'core group' menuduh golongan 'baru' ini sebagai hanya tahu mengelolakan aktiviti-aktiviti agama sahaja tetapi tidak pernah tahu mengotorkan tangan mereka dan membuat kerja-kerja fizikal untuk persatuan ini. Puak ini pula menuduh 'core group' sebagai kumpulan yang hanya tahu bekerja sahaja tetapi rendah persepsi mereka tentang hal-hal keagamaan mereka.

Mengikut pendapat pengkaji, 'core group' ini tidak seharusnya tersinggung menerima kritikan-kritikan sedemikian. Ini adalah kerana sebagai golongan berpengaruh dalam persatuan ini, mereka kenalah menunjukkan teladan yang baik khususnya kepada belia-belia muda yang baru datang dengan menyertai program-program agama. Begitu juga dengan ahli-ahli jawatankuasa induk. Sebenarnya, apa yang perlu dititiberatkan oleh ahli-ahli 'core group' ini ialah agama kerana persatuan ini adalah sebuah persatuan agama. Harapan pengkaji adalah agar hanya wujud satu kumpulan besar dalam masyarakat SKE yang serba boleh, baik dari segi agama maupun perkhidmatan-perkhidmatan lain. Namun, sejak kebelakangan ini masalah berpuak-puak ini semakin berkurangan. Ini adalah kerana masing-masing puak mula memahami keperluan bersatu. Yang demikian, didapati ahli-ahli 'core group' sudah mula menghadiri program-program agama dan puak yang satu lagi pula lebih rela berkhidmat dari segi tenaga fizikal untuk persatuan ini.

PENUTUP

Kini, Persatuan Buddhis Seck Kia Eenh boleh dikatakan merupakan satu persatuan Buddhis yang kukuh di negeri Melaka. Walau bagaimanapun, persatuan ini telah melalui berbagai tahap sebelum ia menjadi apa ia adalah sekarang ini. Persatuan ini telah melalui satu zaman yang penuh dengan kepercayaan dan adat-istiadat yang bukan Buddhistik. Hanya mulai dari zaman Mendiang Venerable Ananda Mangala, persatuan ini telah mengalami perubahan drastik dari segi kepercayaan, amalan maupun aktiviti-aktivitinya. Beliau telah berjaya memimpin masyarakat SKE berlandaskan prinsip-prinsip agama Buddha yang simple dan praktikel tetapi 'profound'. Beliau juga telah mendidik dan mengasuh para belia persatuan ini sehingga MBAYC benar-benar bersinar sebagai satu organisasi belia Buddhis yang berkemampuan. Malah kebanyakan aktiviti yang diikh tiarkan oleh beliau itu adalah yang unggul di negara ini dan sentiasa pula melibatkan penyertaan persatuan-persatuan Buddhis yang lain. Disebabkan semua ini, pengkaji mendapati zaman Mendiang Venerable Ananda Mangalah merupakan zaman kegemilangan persatuan ini. Sesungguhnya beliau telah berjaya membawa SKE ke satu era yang baru.

Berkenaan SKE adalah satu persatuan tanpa mazhap (non-sectarian) pula, pengkaji mendapati ianya hanya benar pada zaman sebelum ini. Ini adalah kerana sekurang-kurangnya ketika itu upacara sembahyang dalam bahasa Pali dan loghat Hokkien

dikendalikan bergilir-gilir. Namun, 'Hokkien Chanting' ini kemudiannya beransur kurang kerana ketiadaan orang yang benar-benar boleh mengendalikannya. Selepas beberapa lama kemudian, 'Mandarin Chanting' diperkenalkan pula tetapi mengalami nasib yang serupa juga. Kini penumpuan adalah pada 'Pali Chanting' sahaja. Di samping itu, kelas-kelas Dhamma dan penyebaran agama Buddha adalah berlunaskan teks-teks Theravada semata-mata. Lagipun pentadbiran persatuan ini bukan dikendalikan oleh seorang individu seperti organisasi mazhab Mahayana tetapi oleh satu jawatankuasa. Seperkara lagi persatuan ini mempunyai 'resident monk' berbangsa 'Sinhalese' untuk menguruskan hal-hal keagamaan. Jadi adalah lebih tepat lagi jika pengkaji merumuskan SKE lebih cenderung kepada mazhab Theravada.

Sekarang ini, Persatuan Buddhis SKE boleh dikatakan agak popular di kalangan komuniti Buddhis di Melaka. Mengikut pendapat pengkaji, ini adalah disebabkan beberapa faktor. Bagaimanapun pengkaji tidak dapat menyusun faktor-faktor ini mengikut keutamaan kerana kesuntukan masa membuat survey dengan komuniti Buddhis di negeri Melaka. Di antara faktor-faktor tersebut adalah perkhidmatan 'Buddhist final rites' dan kemudahan 'reliquarium' yang disediakan. Memandangkan upacara-upacara sembahyang yang dijalankan adalah yang simple dan 'solemn', ianya telah dapat menarik minat komuniti Buddhis di Melaka. Ini adalah kerana masyarakat yang lebih moden kini tidak begitu menggemari upacara-upacara yang hingar-bingar.

'Reliquarium' yang disediakan pula adalah kemas, bersih dan sentiasa terjaga. Satu faktor lagi yang telah dapat memperkenalkan SKE kepada masyarakat luar adalah tadikanya. Selain itu, kini projek-projek am persatuan ini lebih dipublisitikan serta melibatkan masyarakat umum. Akhir sekali, perarakan 'float' Hari Wesak yang saban tahun semakin meriah pasti dapat menarik perhatian umum. Melalui semua ini dan mungkin juga faktor-faktor lain, masyarakat Buddhis Melaka dapat mengenali persatuan ini serta aktiviti-aktivitinya dengan lebih rapat lagi. Pendek kata, identiti Persatuan SKE ini begitu menonjol di kalangan komuniti Buddhis di Melaka. Malah kerajaan negeri sendiri meyakini kebolehan persatuan ini, dan dengan demikian memberinya menguruskan perkhidmatan pendaftaran perkahwinan.

Bagaimanapun, kedudukan persatuan ini di kalangan komuniti Buddhis di negara ini adalah hanya sebagai salah satu organisasi belia Buddhis biasa sahaja. Ini memandangkan persatuan ini belum mencapai kedudukan yang cemerlang lagi di peringkat nasional. Apatah lagi di peringkat antarabangsa! Di antara cadangan yang mungkin persatuan SKE boleh mempertimbangkan adalah menjemput persatuan-persatuan Buddhis yang lain menyertai aktiviti-aktiviti besar persatuan ini ataupun cuba mengelolakan aktiviti-aktiviti yang dapat melibatkan penyertaan lain-lain persatuan. Selain itu, ia juga perlu membuat hubungan dari masa ke semasa dengan persatuan-persatuan lain di negara ini ataupun

di luar negara supaya boleh saling mengenali sesama sendiri dan bertukar-tukar fikiran. (Setakat ini, hubungan luar negeri persatuan ini yang paling rapat sekali ialah dengan Brickfields Buddhist Vihara, Kuala Lumpur.)

Persatuan SKE sungguh bertuah kerana kini ia ditadbir oleh sebilangan ahli jawatankuasa induk yang sungguh berdedikasi dan bertanggungjawab. Sebenarnya, di bawah barisan ahli jawatankuasa inilah, persatuan ini mula membina kedudukan kewangan yang stabil dan menggalakkan. Selama jangkamasa pentadbiran golongan ini juga, persatuan ini telah berjaya membuat banyak pembaharuan fizikal persatuan ini. Ini termasuklah dua buah bangunan baru, perluasan kawasan perkarangan pokok Bodhi dan 'main shrine hall', mengetarkan jalan dan kini di dalam proses membina sebuah stupa dan pembesaran dewan 'Buddha Jayanti' supaya dapat memuatkan lebih ramai orang. Selain itu, persatuan ini juga telah mula menderma untuk kebajikan dan kemanusiaan setakat yang mampu. Pengkaji mendapati barisan ahli-ahli jawatankuasa ini sangat mengambil berat tentang imej dan perkembangan persatuan ini.

Satu faktor yang nyata lagi tentang kejayaan persatuan ini adalah kerana ianya sentiasa disokong kuat oleh SKEDS. Malah, SKEDS boleh dikatakan merupakan tulang belakang persatuan ini. Pengkaji berfikir sedemikian kerana walau apa sekalipun aktiviti yang dikelolakan oleh SKE, hampir semua tenaga kerja yang

menjayakannya datang dari SKEDS. Ini adalah kerana kebanyakan ahli SKE terdiri daripada 'non-regular members' sedangkan kebanyakan ahli SKEDS pula adalah sebaliknya. Lagipun kebanyakan ahli SKE yang aktif telah melewati usia. Jadi, ahli-ahli SKEDS inilah yang sebenarnya menawarkan tenaga kerja mereka untuk menjayakan aktiviti-aktiviti SKE. Selain itu juga, SKEDS juga mengendalikan semua aktiviti biasa persatuan ini (seperti mengendalikan upacara-upacara sembahyang dari masa ke semasa dan menguruskan kelas-kelas Dhamma tiap-tiap Ahad) dan juga memperkayakan aktiviti-aktiviti persatuan ini secara amnya dengan aktiviti-aktiviti seperti yang telah dinyatakan di dalam Bab 5.

Satu suasana sihat yang wujud di persatuan ini ialah terdapatnya hubungan yang erat antara SKE dan SKEDS. Malah didapati ahli-ahli SKE dan SKEDS bergaul dengan baik sekali tanpa apa-apa halangan, diskirminasi maupun jurang generasi. Kalau dahulu persatuan ini didatangi oleh ramai para belia, kini, satu pembaharuan yang menggalakkan pula adalah semakin ramai golongan dewasa dan generasi tua mula menjadi ahli persatuan ini. Golongan ini bukan sahaja aktif dalam 'Adult Discussion Class' tetapi juga turut menyertai aktiviti-aktiviti SKEDS yang lain. Sesungguhnya, ini merupakan suatu petanda yang sungguh baik kerana golongan belia yang muda ini boleh memanfaati nasihat dan tunjukajar dari golongan yang lebih tua daripada mereka. Sambutan dari golongan kanak-kanak terhadap

aktiviti-aktiviti persatuan ini tidak boleh diperkecilkan juga. Jadi, dari segi masyarakat SKE, pengkaji dapat merumuskan wujudnya suatu suasana kekeluargaan yang mesra.

Di sebalik semua pencapaian persatuan ini, satu masalah ketara yang timbul adalah penerusan pengaliran keluar ahli-ahli persatuan ini yang aktif. Mereka yang dimaksudkan ini adalah golongan para belia. Namun demikian, masalah ini tidak boleh dielakkan kerana faktor-faktor seperti pekerjaan dan pelajaran. Tiap-tiap tahun persatuan ini akan kehilangan beberapa orang ahli yang berkaliber. Ini sebenarnya merupakan satu masalah serius untuk persatuan ini kerana kejayaan kebanyakan aktiviti persatuan ini banyak bergantung kepada golongan tersebut. Jadi, apa yang akan tertinggal pula adalah sekumpulan besar ahli-ahli baru yang masih memerlukan banyak dorongan dan nasihat untuk mengambil alih yang telah pergi. Kadangkala sebelum sempat seseorang itu mengenali jentera pentadbiran persatuan ini dengan mendalam, beliau sudahpun dipilih untuk memimpin persatuan ini. Ini mungkin akan menimbulkan kesan negatif sebab golongan ahli baru ini akan terasa dirinya dipaksa untuk melakukan sesuatu. Bagaimanapun, masalah-masalah ini belum mencapai peringkat yang meruncingkan lagi.

Yang telah pergi, tetap akan pergi. Namun, satu perkara yang mungkin boleh mengurangkan rasa sedih ini ialah ramai di antara ahli-ahli persatuan ini yang telah berhijrah keluar,

berjaya menjadi pemimpin-pemimpin Buddhis maupun pemimpin-pemimpin persatuan lain di tempat masing-masing itu. Sebenarnya, ramai ahli persatuan ini yang telah menjadi tokoh-tokoh yang disegani oleh masyarakat Buddhis di Malaysia dan juga di luar negara. Contoh yang paling baik adalah Venerable Piyasilo (kini pengarah spiritual Friends of Buddhism Malaysia), Venerable Mahinda (berpusat di Singapura dan Sydney, Australia) dan Saudara Victor Wee (pencipta dan penyanyi lagu-lagu Buddhis yang terkenal di negara ini dan benua Asia Tenggara secara amnya). Memandangkan ini, adalah tidak salah jika pengkaji mengatakan persatuan SKE sebenarnya adalah satu pusat latihan kepimpinan untuk para belia Buddhis di negeri Melaka. Ini adalah kerana ahli-ahli baru selalu didedahkan dengan peluang-peluang yang banyak dari masa ke semasa untuk mengendali dan membuat projek-projek untuk persatuan ini. Ini adalah faktor yang terpenting menurut pengkaji sebab seseorang itu sebenarnya tidak boleh belajar dengan banyak dari kursus-kursus kepimpinan yang diberikan merata-rata tempat kerana kursus-kursus sedemikian adalah dikendalikan sekali-sekala sahaja. Untuk menjadi pemimpin yang berkesan, seseorang itu perlu didedahkan dengan peluang-peluang secara bertubi-tubi. Di dalam persatuan ini, seseorang itu didedahkan kepada banyak peluang praktikel dan sekali-sekala sahaja ditokok dengan kursus-kursus kepimpinan yang dianjurkan. Tidak hairanlah, jika ramai ahli persatuan ini mempunyai sifat kepimpinan yang boleh dibanggakan.

Akhir sekali, pengkaji mendapati masa depan persatuan SKE cerah sekali jika ia masih dapat mengekalkan segala yang ia telah rancang dan lakukan. Adalah wajar juga jika persatuan ini dapat mengelolakan aktiviti-aktiviti yang baru dan dinamis mengikut perkembangan dan peredaran masa. Persatuan ini juga perlu seboleh-bolehnya mengorak langkah untuk mengambil lebih ramai ahli dari berbagai-bagai generasi supaya boleh mempunyai pemimpin-pemimpin yang aktif dan berkaliber secara berterusan. Seperkara lagi, persatuan ini perlu juga cuba membuat kontek dengan pertubuhan-pertubuhan Buddhis yang kukuh serta masyhur di negara ini maupun di luar negara untuk mengikuti perkembangan-perkembangan baru serta mendapat idea-idea yang lebih baik dan menarik untuk kepentingan persatuan ini dan agama Buddha secara amnya.

BIBLIOGRAFI

- Blofeld, John Mahayana Buddhism in South-East Asia
 Asia Pasific Press, Singapore 1971
- Coedes, G. The Indianized States of South-East Asia
 University of Malaya Press K.L./Singapore 1968
- Lester, Robert C. Theravada Buddhism in South-East Asia
 The University of Michigan Press, 1973
- Mc Dougall, Colin Buddhism in Malaya
 Donald Moore, Singapore, 1956
- Teh Eng Soon Malayan Buddhism, A Critical Examination
 Eastern University Press, Singapore 1963
- Wales, Quaritch The Malay Peninsula in Hindu Times
 London, Bernad Quaritch Ltd, 1976
- Wheatley, Paul The Golden Khersonese
 University of Malaya Press, 1966
- Williams, W Malaysia and the World Map
 United Publishers, Penang 1967
- Young Buddhist Association of Malaysia Buddhism in Malaysia Vol. 2
 Young Buddhist Association of Malaysia
 Buddhist Digest Publication Board, 1987
- Zurcher, E Buddhism, Its Origin and Spread in Worlds,
Map and Pictures
 Routledge & Kegan Paul London, 1962

MAJALAH-MAJALAH

Rules & Bye Laws of Seck Kia Eenh (Malacca Buddhist Association)
Approved by the Registrar of Societies, Malaysia on 19th August
1975

Sec Kia Eenh (Malacca Buddhist Association) 36th A.G.M% Report,
1987

Souvenir of the 55th Anniversary of the Seck Kia Eenh (Malacca
Buddhist Association) 2519 - 1975

The Dhammadarers, 10 years of Dharmadhuta Friends of Buddhism
Malaysia, 1986

The Light (Wesak issue) S.K.E. (Malacca Buddhist Association) 1976

The Young Buddhist Supplement Singapore Buddhist Youth Organisation
MC(P)147/8/85

Voice of Buddhism Buddhist Missionary Society, Kuala Lumpur
Vol 20 No 1, June 1983

Voice of Buddhism Buddhist Missionary Society, Kuala Lumpur
Vol 25 no 1, June 1987